


MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



**SAMPAI BILA
NOKTAHNYA?**

>> 2-3

Belajarlah menyaring
maklumat
>> 7

PDM gedung dunia
teknologi
>> 9-11

Kemeriah Pasar Karat
gamit memori
>> 12-13

Pengaruh Amerika kian merudum

AZLAN ZAMBRY

SEJAK Hamas melancarkan serangan mengejut yang tidak pernah berlaku sebelum ini ke atas Israel yang berlanjut sehingga kini, wilayah itu berada dalam keadaan berjaga-jaga di tengah-tengah kebimbangan konflik yang lebih meluas termasuk pencerobohan Israel ke atas wilayah Gaza.

Tidak sekadar pencerobohan wilayah Gaza, tindakan ketenteraan dan menyasarkan bom di kawasan penempatan pelarian menyaksikan ribuan nyawa yang tidak berdosa menjadi korban sekali gus menarik perhatian masyarakat antarabangsa yang bertali arus mengecam tindakan berkenaan.

Penganalisis Undang-Undang Antarabangsa, Dr Mohamed Hadi Abd Hamid menyifatkan situasi di Gaza yang menjadi tumpuan ketika ini bakal berakhir berikutan pengaruh Amerika dalam kalangan negara-negara di seluruh semakin merudum melalui undian di Sidang

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengundi supaya gencatan senjata segera dilaksanakan.

"Jika kita lihat situasi politik antarabangsa kini sememangnya tidak pernah memihak kepada Amerika Syarikat kerana sering menyebelahi Israel dalam tindakannya yang menceroboh Palestin."

"Ini dizahirkan melalui undian yang menuntut gencatan senjata yang merekodkan 153 negara menyokong resolusi berkenaan manakala 23 negara berkecuali," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Mohamed Hadi berkata menerusi undian berkenaan, ada dalam kalangan negara yang menyokong resolusi gencatan senjata itu tersebut pernah menzahirkan sokongan terhadap AS namun turut sama membantah tindakan Israel di Palestin.

"Ia jelas dilihat bahawa banyak

negara kini sudah tidak boleh menerima tindakan yang dibuat oleh Israel lebih-lebih lagi apabila ia turut menyasarkan wanita, warga emas dan kanak-kanak sehingga meningkatkan sokongan antarabangsa terhadap Palestin," katanya.

Jelasnya, konflik berkenaan sewajarnya ditamatkan berikut bantahan yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa di seluruh dunia namun sikap ego dua negara berkenaan menjadikan konflik tersebut terus berpanjangan sehingga kini.

"Apa yang dilihat kini hanyalah kemusnahan di kedua-dua wilayah, Palestin dan Israel. Namun yang paling nyata, Israel tidak mampu untuk menawan Gaza walaupun dibekalkan dengan pelbagai senjata moden termasuklah semua aset udara, darat dan laut yang dikerahkan untuk melawan Palestin," katanya. **WK**



MOHAMED HADI

Kaka rela hilang dunia demi Palestin

DUA minggu lalu industri hiburan tanah air kecoh apabila penyanyi Kaka Azraff ditamatkan kontrak sebagai artis rakaman Warner Music Malaysia gara-gara kelantangan memperjuangkan nasib Palestin di media sosial.

Namun perkara tersebut tidak melunturkan semangatnya kerana dia yakin dan teguh dengan pendirian mempertahankan hak rakyat Palestin yang kini diperlakukan zalm oleh tentera Zionis Israel.

"Rakyat Palestin berhadapan risiko ditembak, dibom, dibunuh setiap detik. Anak-anak dan ahli keluarga lain entah ke mana. Malah mereka dihidangkan dengan berita kematian setiap hari.

"Ditambah pula dengan ujian kelaparan, sakit, ada yang nak bersalin dan macam-macam lagi. Kalau tempat tinggal, tak payah cakaplah memang dah hancur lebur diserang tentera Israel yang zalm dan kejam.

"Sementara saya hanya diduga dengan penamatkan kontrak sebagai artis rakaman. Terlalu jauh tahap ujian mereka dengan saya. Jadi, saya tidak bersedih dan kecewa kerana rezeki itu datangnya daripada Allah, bukannya manusia," katanya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, dia kini sedang menuntut alasan kukuh daripada pihak tersebut kenapa kontraknya ditamatkan memandangkan syarikat rakaman menyatakan pendirian mereka bersama Palestin.

"Kalau alasan bahasa kasar, saudara kita di sana lagi teruk dizalimi. Kita tak boleh berdiam diri. Melihat video-video (dalam media sosial) mereka dibunuh dengan kejam, itu membuatkan



semangat saya berkobar-kobar untuk terus membela nasib mereka atas kemampuan yang ada.

"Saya yakin berada di pihak yang benar. Ramai yang menyokong tindakan saya. Setakat ini, tiada show yang dibatalkan. *Alhamdulillah*. Saya tengok perkara ini dari sudut positif.

"Dari dulu saya fikir positif sahaja, sebab sedar apa yang dilakukan ini adalah untuk saudara-saudara kita yang berada di Palestin. Jadi, kalau ia mendatangkan kesusahan sedikit, ini adalah jihad kecil saya dan tiada penyesalan.

"Ini jalan yang saya pilih dan tidak akan berhenti, ia adalah permulaan untuk melangkah dengan kaki sendiri dan akan terus menyebarkan perkara positif," ujarnya lagi.

Tambah Kaka, dia tidak berasa kehilangan kerana semangat rakyat Palestin sentiasa menguatkaninya

sementelah kaum keluarga juga tidak putus menyokong dan bersama-sama dengannya.

"Ibu saudara saya, Ella pun turut menitipkan kata-kata semangat. Saya rasa cukup rasa bertuah dikelilingi insan tersayang. Sokongan mereka juga rezeki tidak ternilai yang Allah kurniakan," ujarnya.

Terdahulu, Kaka ditamatkan kontrak oleh syarikat rakamannya Warner Music Malaysia gara-gara kelantangan bersuara hingga komen yang dilayang dipetik akaun propaganda Israel dan viral.

Ia bermula apabila dia sekadar membala hantaran dimuat naik pempengaruhi dan pelakon Australia pro-Israel, Nathaniel Buzolic atas krisis Palestin-Israel melalui mesej langsung (DM) dan menafikan dakwaan konon menyebarkan ucapan kebencian (*hate speech*). **WK**



Jihad fisabilillah Alyah

PELBAGAI usaha dilakukan dalam menterjemahkan bantahan terhadap tindakan zalm rejim Zionis Israel ke atas rakyat Palestin antaranya bersatu hati memboikot barang dan jenama keluaran Israel.

Tidak terkecuali melakukan perkara yang sama, penyanyi **Datin Alyah** merupakan salah seorang selebriti yang bukan sahaja bertindak memboikot dari segi barang bahkan aktif berkongsi apa sahaja isu Palestin di laman sosial.

"Langkah yang diambil terutamanya tidak membeli produk Israel atau francais yang menyokong rejim Zionis sangat berkesan, ia mampu melumpuhkan ekonomi mereka sekali gus meranapkan sistem ketenteraan.

"Selagi kita hidup walaupun usaha atau jihad yang kita lakukan hanya sebesar zarah, teruskanlah kerana itu membantu mereka. Jika rakyat Palestin berjihad di sana, kita di Malaysia cuba dengan cara yang kita mampu," tegasnya.

Mengulas lanjut, Alyah berkata dia turut kecewa apabila segelintir masyarakat memperlekehkan usaha memboikot produk atau jenama antarabangsa sebagai solidariti untuk Palestin.

"Bagi mereka yang tidak mahu boikot. Itu hak dan pilihan anda, tapi janganlah memperlekehkan usaha mereka yang ingin sama-sama bantu saudara kita di Palestin. Lebih diam daripada nak komen atau perlekeh."

"Isu Palestin ini bukan sahaja melibatkan soal agama, tetapi juga aspek kemanusiaan apabila rakyat dizalimi dan diserang bertubi-tubi setelah

sekian lama. Ia bukanlah satu paksaan. Terpulang kepada diri masing-masing. Macam saya, sudah tentu saya cuba elak beli produk dari Israel.

"Bayangkan sebelum ini, saya selalu makan fast food yang merupakan francais Israel, jadi memang rasa rindu nak makan sebab dah terbiasa dalam kehidupan kita.

"Namun saya jadi marah, sebak dan geram setiap kali tengok video saudara-saudara Islam kita di Palestin dibunu dengan kejam. Saya tak boleh tahan apabila kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa turut dibunu. Apa salah mereka?" luahnya.

Tambahnya isu ketara kesan daripada boikot beramai-ramai adalah restoran makanan segera terkenal mengalami kekurangan pelanggan. Begitu juga jualan produk-produk yang dikaitkan dengan Yahudi tidak terjual di Malaysia.

"Biarlah orang nak cakap boikot tak berkesan atau apa sahaja tetapi saya yakin jika kita sepakat, pasti memberi kesan kepada mereka. Lagipun masih banyak produk atau barang lain yang boleh dibeli. Malah, ada yang lebih berkualiti," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam masa yang sama, jika diberi peluang dan mampu untuk berjihad di Palestin, dia mahu turut serta untuk bersama-sama berjuang membantu sebaik mungkin sekalipun berdepan dengan situasi bahaya.

"Mungkin kalau tak jadi tentera pun, saya bolah jadi paramedik merawat orang awam yang cedera. Kita sedia maklum keadaan hospital yang penuh, jadi saya boleh bantu kurangkan beban mereka," ujarnya. **WK**



Jagalah hati rakyat Palestin

SEMENJAK tercetusnya perang antara Israel dan Palestin pada awal Oktober lalu, masyarakat dunia membantu menyebarkan luaskan tentang kekejaman yang dilakukan rejim Zionis Israel melalui laman sosial.

Pelbagai usaha dilakukan untuk menunjukkan tanda solidariti atas kejadian tersebut selain menghulurkan sumbangan bagi meringankan beban saudara Islam di Palestin.

Terkesan dengan penderitaan rakyat di negara tersebut, pelakon **Que Haidar** turut menyumbangkan 'gift' yang diterima daripada pengikutnya ketika siaran langsung di platform *TikTok*.

"Perit yang mereka lalui, turut dirasai oleh masyarakat dunia. Begitulah juga saya. *Alhamdulillah*, hasil gift semasa

siaran langsung di *TikTok* sedikit sebanyak boleh membantu rakyat Palestin yang tidak cukup keperluan harian.

"Tempat mereka sedang berperang, maka banyak benda yang musnah. Menerusi gift yang disumbangkan dapatlah membeli makanan dan selimut. Itulah keperluan asas yang sangat diperlukan. Bagi yang menderma ketika saha bersiaran di *TikTok* boleh teruskan," ujarnya.

Tambah Que, dia turut terharu melihat keprihatinan rakyat Malaysia yang banyak membuat sumbangan menerusi pertubuhan-pertubuhan tertentu untuk membantu.

"Sekecil-kecil pemberian pun adalah jihad buat anda. Teruskan membantu

penduduk Palestin mengikut kemampuan masing-masing. Dalam masa yang sama, teruskan berdoa, itu juga senjata kita semua," katanya.

Dalam pada itu, dia juga berharap masyarakat lebih sensitif ketika membuat hantaran atau status dalam media sosial antaranya tidak terlalu mempamerkan momen gembira atau bersuka ria disaat rakyat Palestin 'dihadang' dengan bom setiap hari.

Terdahulu, Que mula memperoleh 'gift' melalui siaran langsung di *TikTok* ketika membuat siaran langsung bersama sahabatnya, Syeikh Yusof yang tinggal di Al-Quds (berhampiran Masjid Al-Aqsa) dan dalam masa yang sama dia turut memasang doa untuk diaminkan oleh semua pengikut laman sosialnya. **WK**

Puak Zionis semakin terdesak tawan Gaza

SITUASI yang meruncing di bumi Gaza akibat kekejaman rejim Zionis mendapat perhatian seluruh dunia. Rata-rata majoriti penduduk dunia bersatu melawan kekejaman Israel ke atas Palestin meminta agar pertumpahan darah ini dihentikan serta-merta.

Malah, angka korban juga semakin hari semakin bertambah menjadikan ia antara keganasan terburuk dalam sejarah.

Aktivis Gaza, **Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman** berkata situasi di Gaza semakin lama menjadi semakin teruk.

"Rejim Zionis cuba melakukan apa yang mereka tidak berjaya lakukan sebelum ini, di mana mereka cuba mengosongkan Gaza dan mengambil semula kuasa di kawasan tersebut," katanya kepada *Wilayahku*.

Muhammad Nadir yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM) menjelaskan, hampir kesemua kawasan Gaza telah dibedil serta dimusnahkan oleh tentera Zionis Israel yang tidak berperikemanusiaan.

"Tentera Zionis menyerang di setiap genap kawasan Gaza, ramai orang tidak bersalah menjadi mangsa."

"Ia satu perkara yang sangat tidak wajar, wanita, orang tua, malah kanak-kanak serta bayi yang tidak bersalah turut menjadi mangsa pembunuhan kejam ini," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan rakyat Malaysia sangat prihatin terhadap situasi yang berlaku di negara Islam tersebut dan dalam masa yang sama sudah melakukan yang terbaik bagi membantu rakyat Palestin.

"*Alhamdulillah* kita di Malaysia bukan sahaja rakyat malah Raja dan juga kerajaan turut bersama-sama di dalam usaha menentang kekejaman rejim Zionis ini melalui sumbangan dan apa sahaja bentuk bantuan yang boleh disalurkan."

"Malah saya percaya kita mampu untuk membantu dengan lebih lagi sekali gus berjihad bagi menentang kezaliman yang seakan tiada berpenghujung ini," ujarnya lagi.

Tambahnya, penekanan juga harus diberikan supaya isu Palestin terus mendapat perhatian tidak kira di segenap lapisan masyarakat meliputi pelbagai usia agar mereka arif tentang peristiwa menyayat hati yang sedang berlaku saat ini.

"Sebagai contoh, mungkin boleh tambah atau menyerapkan isu Gaza ini di dalam pendidikan kokurikulum, mewujudkan lebih

banyak sekolah-sekolah ataupun kelab-kelab yang menyokong Palestin atau pembela Al-Aqsa di sekolah-sekolah atau universiti.

"Ia dilakukan agar ia tidak menjadi sokongan empati dan semangat semata-mata tetapi berdasarkan kefahaman untuk kita membela bangsa yang sedang dijahah. Salah satu cara untuk memupuk empati adalah bermula dalam kalangan pelajar sekolah kerana pemikiran mereka masih muda, senang dibentuk melalui sistem pendidikan," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Nadir berkata, situasi di Gaza berkemungkinan akan berlanjutan buat seketika namun jelas terbukti bahawa majoriti negara-negara sudah tidak bersama Israel ketika ini.

"Situasi di Palestin mungkin akan berlanjut lagi berdasarkan apa yang sedang mereka lakukan. Namun, tekanan daripada masyarakat antarabangsa dan juga negara-negara luar khususnya memainkan peranan penting untuk mendesak agar dihentikan perpeperangan ini."

"Dapat dilihat, majoriti negara-negara kini tidak lagi bersama Israel. Jadi, kita mesti bersatu hati bersolidariti bersama Palestin untuk terus menggalakkan rasa simpati, hormat dan juga menyemai nilai-nilai kemanusiaan yang lain," jelasnya.

Sementara itu, Malaysia muncul antara negara yang lantang bersuara dalam menyuarakan sokongan terhadap situasi yang tidak berperikemanusiaan tersebut melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pendirian Malaysia yang lantang, keras dan konsisten dalam mengutuk kekejaman rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin terus-menerus disuarakan di pelbagai peringkat termasuklah usaha dalam gesaannya kepada para pemimpin dunia untuk menamatkan perpeperangan tersebut.

Berbaharu, Malaysia menyuarakan bantahan tegas terhadap sikap Amerika Syarikat (AS) yang menggunakan kuasa veto di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menolak gencatan senjata kemanusiaan segera antara rejim ganas Israel dan Palestin.

"Adalah menjadi pelik dan di luar kewarasan kemanusiaan apabila ada pihak yang mendukung dan bungkam terkait pembantaian ke atas kanak-kanak dan wanita tidak bersalah serta warga awam."

"Sayugia, ini mesti dihentikan serta-merta

Solidariti selebriti bersama Palestin



CHRIS MARTIN

Vokalis kumpulan Coldplay sudah lama menyokong Palestin malah pada tahun 2017 pernah melawat Palestin untuk mencari inspirasi buat album baharu.

MELISSA BARRERA

Bintang utama filem Scream 7 ini digugurkan oleh Spyglass Media Group kerana memuat naik isu peperangan konflik Israel dan Hamas

ANWAR EL GHAZI

Kelab bola sepak liga Jerman menamatkan kontrak pemain bola sepak Belanda berketurunan Maghribi

BELLA HADID

Jenama barang mewah Dior menggantikan Bella dengan model Israel iaitu May Tager kerana hantaran di media sosial model antarabangsa itu

JOHN CUSACK

Aktor terkenal ini menegaskan di laman X supaya semua pihak perlu membebaskan Palestin daripada penjajahan yang kejam

MARK RUFFALO

Bintang Avengers Mark Ruffalo mengacau gesa Menteri Kewangan Israel Bezalel Smotrich menghapuskan Huwra sebuah bandar Palestin di bahagian utara Tebing Barat

SUSAN SARANDON

Pemenang Oscar ini telah dipecat oleh ejennya kerana lantang memihak kepada Palestin

GIGI HADID

Supermodel ini melalui Instagram mengesahkan empati yang mendalam terhadap perjuangan Palestin

JASON STATHAM

Sebuah video memaparkan individu menyerupai pelakon Jason Statham sedang memasang bendera Palestin pada keretanya

dan sangat dikesali kerana ia jelas tidak mempedulikan hak kemanusiaan dan terus menerus membenarkan Israel membuat pembunuhan secara zalim terhadap rakyat Palestin di Gaza," kata beliau menerusi ciafan di laman X.

Sebelum ini, Anwar pernah menegaskan Malaysia akan memberi sokongan penuh dan

berpendirian teguh menyokong perjuangan rakyat Palestin malah akan meneruskan perjuangan dalam mendapatkan hak, perlindungan serta bantuan kemanusiaan menerusi beberapa perbincangan bersama-sama negara-negara yang sepadan untuk membantu masyarakat di Gaza. **WK**

Dituduh sekat kebebasan bersuara

Kerajaan padam kandungan palsu

KEOH dalam media sosial dakwaan kerajaan menyekat hak kebebasan bersuara rakyat ekoran syarikat induk Facebook, Meta dan TikTok dari China melaporkan lonjakan permintaan kerajaan Malaysia untuk mengeluarkan kandungan atau menyekat akaun media sosial dalam tempoh enam bulan pertama 2023.

Pelbagai komen negatif dilontarkan seolah-olah kerajaan hari ini mungkir janji yang ditaburkan sebelum pilihan raya untuk memperjuangkan hak kebebasan bersuara di negara ini.

Sebelum membuat sebarang tuduhan melulu sepatutnya usul periksa dahulu kerana ia boleh jadi fitnah. Silap hari bulan, didakwa pula kerana menyebarkan berita palsu.

Baru-baru ini, Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** menafikan dakwaan kononnya kerajaan membuang kandungan di platform media sosial kerana mengkritik beliau atau Kerajaan Perpaduan.

Sebaliknya, beliau menjelaskan, tindakan kerajaan membuang kandungan di beberapa platform media sosial disebabkan 70 peratus daripadanya mengandungi promosi jualan haram dan penipuan dalam talian.

"Tahun ini kita buang 18,140 kandungan penipuan. Zaman Annuar Musa (bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa) buang berapa? 315 je.

"Takkan dia tak cergas lawan



SEJUMLAH 4,008 kandungan berita palsu direkodkan pada tahun ini. - Gambar hiasan

penipuan pun nak salahkan saya," kata beliau menerusi hantaran di laman Facebook dan X pada Sabtu.

Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan mengulas berita bertajuk Padam Kandungan: Langkah ke Arah Cengkaman Media, yang diterbitkan *Harakahdaily* baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, Fahmi turut berkongsi statistik kandungan memudaratkan pada tahun ini iaitu

25,642 kandungan berbanding 1,019 pada 2022.

"Sejumlah 18,140 kandungan tahun ini merupakan penipuan dan penjualan haram, diikuti 4,008 kandungan berita palsu, 2,858 kandungan jelik, 599 bersifat pornografi dan 37 kandungan bersifat mengancam," tulis beliau.

Langkah yang diambil itu sebenarnya amatlah tepat kerana jika dibiarkan perkara ini akan terus

melerat dan memberi kesan yang tidak baik daripada semua segi. Malah, tindakan sedemikian perlu dibuat bagi memberi perlindungan kepada pengguna.

Ia juga bagi mendidik orang ramai agar menggunakan media sosial secara berhemah dan tidak lagi sesuka hati memuat naik bahan-bahan yang tidak sepatutnya di laman sosial tanpa memikirkan kesan buruk. **WK**

Rombakan Kabinet demi kesejahteraan rakyat

SALAHKAH kalau kerajaan sentiasa berusaha untuk kebaikan rakyat? Salahkah kerajaan lakukan perubahan demi masa depan kita semua? Perubahan untuk kebaikan, kenapa ia dituduh gagal?

Ramai yang dilihat tidak bersyukur apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan perubahan kabinet demi kesejahteraan rakyat. Adakah perubahan itu merupakan satu kegagalan?

Pelbagai tuduhan tidak enak bertebakan di laman sosial sejak perubahan Kabinet di bawah pimpinan PMX sedangkan rombakan tersebut bertujuan untuk memastikan setiap kementerian dapat ditadbir dengan lebih berkesan.

Sepatutnya kita semua ambil maklum, dalam Islam pun ada digalakkan umatnya untuk melakukan hijrah atau perubahan demi kebaikan bersama. Itulah yang dilakukan oleh Anwar yang sentiasa memberi tumpuan penuh kepada rakyat sejak diberi tanggungjawab tersebut setahun yang lalu.

"Saya harap *insya-Allah* (kekalkan)



SESI angkat sumpah menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah baru-baru ini.

sekiranya prestasi baik dan memuaskan selain tiada tekanan atau masalah baru seperti isu transformasi digital," kata beliau menerusi sidang akhbar rombakan Kabinet, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai sama ada kerajaan akan membuat rombakan tahunan berdasarkan prestasi semasa menteri dan timbalan menteri memandangkan perubahan tersebut setahun yang lalu.

itu dilakukan selepas setahun pentadbiran Kerajaan Madani.

Katanya, rombakan Kabinet dibuat bertujuan untuk memberi sedikit penyesuaian selepas setahun pentadbiran Kerajaan Madani.

"Keadaan juga perlu berubah seiring perkembangan ekonomi, permasalahan rakyat dan kos sara hidup yang harus ditangani dengan baik."

"Isu pendidikan, pendidikan tinggi terutama dalam urusan meneroka bidang baharu seperti kecerdasan pintar (AI) dan transformasi digital menyebabkan saya berfikir semula untuk membuat sedikit sebanyak penyesuaian sesuai keadaan dan tuntutan semasa," katanya.

Beliau berkata perbincangan mengenai rombakan Kabinet itu dilakukan bersama ketua parti sebelum senarai nama dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenan.

Rombakan Kabinet menyaksikan seorang menteri dan dua timbalan menteri digugurkan iaitu bekas Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar selain Ramkarpal Singh dan Datuk Siti Aminah Aching.

Secara keseluruhan, jumlah Jemaah Menteri kini meningkat daripada 28 ke 31 orang manakala jumlah timbalan menteri pula meningkat dari 27 ke 29 orang.

Bagaimanapun, jumlah keseluruhan Jemaah Menteri ini masih lagi rendah jika dibandingkan 70 orang barisan Kabinet pada pentadbiran sebelum ini. **WK**

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23/12/23: Program Cuti Sekolah @ Muzium Negara

22-25/12/23: Rekreasi Fest @ Tasik Titiwangsa

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

10-31/12/23: Plant Success Story Across Climates @ Aquaria KLCC

16/1/24: Temuduga Terbuka JKKN @ Tingkat 34, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur

PUTRAJAYA



22-25/12/23: Malaysia Foodie Fiesta @ IOI Grand Exhibition Centre, Putrajaya

23-24/12/23: Bengkel Matematik dan Sejarah SPM 2023 @ Auditorium 1, Kompleks Kejurianan, Presint 16, Putrajaya

31/12/23: Countdown 2024 @ IOI CITY Mall, Putrajaya

18/11-1/1/24: Winter Wonderland Adventure @ IOI CITY Mall

5/1/24: Bazaar New Year with TSB @ Lobi Dewan Melati, Perbadanan Putrajaya

28/1/24: MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

28/1/24: MAIWP Run 2024 @ Dataran Putrajaya

LABUAN



30/12/23: Glamping Borneo @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

31/12/23: Pertandingan Memancing @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

1/1/24: Labuan New Year Run 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

11 program utama realisasi aspirasi warga kota

Belanjawan 2024 RM2.66 billion

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM2.66 bilion bagi Belanjawan 2024 menerusi 11 program utama bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sejahtera untuk semua.

Belanjawan yang bertemakan Aspirasi Madani, Bandar Raya Lestari menyaksikan sejumlah RM2.01 bilion atau 75.6 peratus diperuntukkan untuk mengurus dan RM650 juta (24.4 peratus) bagi pembangunan ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata secara keseluruhannya, belanjawan tersebut memperlihatkan peningkatan sebanyak 2.13 peratus berbanding Belanjawan tahun 2023 yang memperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion.

"Kita terpaksa buat penambahan sedikit peruntukan kerana kos perbelanjaan semakin tinggi terutama pembangunan seperti pembinaan jambatan dan baiki bangunan," katanya dalam sidang media Pembentangan Belanjawan DBKL 2024 pada Rabu.

Belanjawan DBKL 2024 antaranya merangkumi jalan raya dan saliran berjumlah RM317 juta; pengurusan dan pentadbiran (RM418 juta); perumahan awam dan rakyat (RM228 juta) dan pembersihan bandar (RM220 juta).

Kamarulzaman berkata pihaknya akan memastikan Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaannya lebih selesa dan turut memperuntukkan



KAMARULZAMAN (tengah) membentangkan Belanjawan DBKL 2024.

sejumlah RM228.1 juta.

"DBKL juga akan meneruskan pembinaan enam lagi Council Home iaitu di Jalan Semilang/ Jalan Siakap, Taman Desa (1), Taman Desa (2), Sungai Besi, Tasik Permaisuri dan Kuarters DBKL Sentul dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM125 juta," ujarnya.

DBKL juga menyediakan RM82.3 juta untuk pengurusan penjaja dan peniaga kecil bagi menaik taraf fasiliti gerai-gerai di sekitar ibu kota kepada fasiliti yang lebih kondisif dan selesa.

Bagi mempertingkatkan sistem

saliran dan perparitan, projek mitigasi banjir dan tebakan banjir di sekitar ibu negara, Kamarulzaman berkata belanjawan itu menyediakan sebanyak RM170.5 juta.

Selain itu, bagi mempersiapkan kedatangan Tahun Melawat Malaysia 2025, DBKL turut memperuntukkan sejumlah RM21.63 bagi

menggalakkan dan mempromosikan produk pelancongan Kuala Lumpur.

Sementara itu, beliau memaklumkan DBKL kini mengambil pendekatan baharu untuk mengimbangi belanjawan defisit 2024 yang berjumlah

RM275.9 juta melalui penjanaan hasil baharu.

"Salah satu daripadanya adalah dengan mengenakan cas RM1 bagi setiap perjalanan menggunakan bas GOKL kepada pengguna bukan warganegara Malaysia bermula 1 Januari 2024.

"DBKL turut memperkasakan kaedah mengutip tunggakan hasil seperti pembayaran ansuran tunggakan cukai taksiran melalui kad kredit tanpa faedah, pelaksanaan task force kutipan tunggakan sepanjang tahun dan penguatkuasaan," katanya. WK

Pengurusan mitigasi banjir antara inti pati

SELARI dengan Kerangka Malaysia Madani, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggariskan program pengurusan mitigasi banjir yang selama ini membenggu warga kota akibat impak dan ancaman perubahan cuaca ekstrem yang turut membahayai negara.

Menerusi Belanjawan DBKL 2024, program pengurusan mitigasi banjir yang terkandung di dalam 11 Program Keutamaan Belanjawan menyediakan sebanyak RM170.5 juta merangkumi peruntukan mengurus dan pembangunan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata pecahan sebanyak RM117.4 juta bagi pengurusan sistem saliran dan perparitan termasuk penyelenggaraan sungai, parit induk, longkang tepi jalan, dan rumah pam.

"Bagi peruntukan pembangunan pula sejumlah RM53.1 juta diperuntukkan untuk projek mempertingkatkan sistem saliran dan perparitan, kolam takungan banjir, *flood wall* dan sistem pam," kata beliau ketika membentangkan Belanjawan DBKL 2024 di ibu negara pada Rabu.

Katanya, menerusi Program Low Carbon, DBKL mensasarkan suhu bandar raya yang lebih rendah dalam tempoh 10 tahun akan datang dan beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon yang akan diteruskan pada tahun 2024.

"DBKL memperuntukkan sebanyak RM55.9 juta pada tahun 2024 untuk program yang melibatkan penjimatian tenaga, projek laluan basikal, program bas elektrik, program kesedaran alam sekitar, program kitar semula, solar panel serta penanaman pokok bagi mencapai sasaran menurunkan 70 peratus karbon menjelang tahun 2030," katanya.

Bertepatan dengan konsep Bandar Selamat dan Bandar Raya Taman Berchaya, Datuk Bandar memberikan komitmen untuk turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan cerah berchaya serta dilengkapi dengan pelbagai peralatan keselamatan mencukupi.

"Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Selain itu dalam usaha

memastikan Kuala Lumpur mengekalkan keindahan dan kehijauan dalam bandar raya pada tahun hadapan, DBKL komited dalam memastikan elemen landskap pada susun surut hijau di semua taman awam, kawasan lapang hijau dan kawasan rekreasi dipertingkatkan.

"Sejumlah RM428.6 juta peruntukan mengurus telah disediakan pada tahun 2024 bagi tujuan kerja-kerja pengindahan landskap, penyelenggaraan taman-taman awam, penyelenggaraan lorong-lorong, jalan, parit, lampu jalan, jejabat, jejantas, pembersihan bandar serta pengindahan bangunan warisan dan ikonik," katanya.

Tambah beliau, di bawah peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM24.6 juta telah diperuntukkan pada tahun hadapan untuk melaksanakan projek-projek pengindahan dan naik taraf jalan-jalan utama dan laluan pejalan kaki, kerja-kerja naik taraf Quick Win di 11 kawasan parliment Kuala Lumpur, pengindahan sungai di bawah *River Of Life* (ROL), projek pencahayaan ruang perbandaran

serta kerja naik taraf landskap, taman-taman awam dan *pocket park*.

Kata Kamamrulzaman, pihaknya turut meletakkan *Kuala Lumpur Command & Control Centre* (KLCCC)

dalam 11 Program Keutamaan bagi memperkasa jaringan keselamatan di ibu kota termasuk berfungsi sebagai hab pengurusan lalu lintas dan menyebarkan informasi seluruh warga kota.

"Bagi memperluas fungsinya ia akan mengambil kira aspek keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan warga kota. DBKL telah memasang 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) yang dilengkapi dengan 15 fungsi kecerdasan buatan (AI) dan 140 unit paparan maklumat boleh ubah (VMS) di sepanjang 2,000 kilometer rangkaian jalan sekitar Kuala Lumpur serta 42 *panic button* serta pembesar suara di taman-taman dan lokasi awam."

"Untuk memastikan pengurusan KLCCC berjalan dengan baik, sebanyak RM68 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan mengurus pada tahun hadapan untuk tujuan seawaan CCTV dan VMS," katanya. WK

Naik taraf lif PPR/PA

PROGRAM pembangunan dan kesejahteraan komuniti khususnya untuk warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) serta beberapa program lain tidak dilupakan dalam belanjawan 2024 dengan melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM350 juta.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata DBKL komited untuk mengurus lebih 39,180 unit rumah sewa di lima kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan 17 kawasan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur.

"Peruntukan mengurus yang besar sebanyak RM122.3 juta disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa yang melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif atau mesin."

"Sejumlah RM17.9 juta diperuntukkan untuk projek penggantian dan naik taraf lif di beberapa kawasan PA dan PPR bagi menjamin keperluan dan mengatasi masalah kerosakan lif berulang."

"Selain daripada itu, sejumlah RM85 juta diperuntukkan untuk tujuan pembinaan dan naik taraf dewan masyarakat, dewan komuniti serta dewan serbaguna di seluruh Kuala Lumpur," katanya.

Kata Datuk Bandar, DBKL turut memperuntukkan RM46 juta bagi pengurusan perkhidmatan bas GO KL yang akan diperluaskan lagi jaringan laluan dan bilangan bas dan program bantuan bas sekolah percuma kepada murid-murid yang kurang berkemampuan dengan peruntukan sebanyak RM13 juta.

"Program khas komuniti warga kota melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan gelandangan yang merangkumi pelbagai peringkat umur tidak dipinggirkan dalam Bajet 2024 ini dengan anggaran peruntukan berjumlah RM58.7 juta serta RM7.1 juta disediakan bagi aktiviti pembangunan sosial dan gotong-royong," katanya.

Menurut Datuk Bandar, sebanyak RM6.6 juta diperuntukkan untuk pelbagai kegiatan sukan, kebudayaan dan persembahan muzik, manakala RM5.5 juta pula diperuntukkan untuk penyenggaraan stadium atau kompleks renang dan kolam renang bagi kemudahan riadah warga kota termasuk dewan dan kompleks sukan serta penyelenggaraan bangunan warisan di Bangunan Sultan Abdul Samad. WK

Libatkan gelandangan jaga kebersihan

GELANDANGAN merupakan penyumbang terbesar kepada kekotoran persekitaran. Kerana itu mereka harus dilibatkan dalam kerja pembersihan persekitaran berkenaan.

Ini bukan kata-kata Adi, tetapi kata mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Untuk rekod, beliau memegang jawatan Datuk Bandar ke-12 selama dua tahun, dari 2 Oktober 2018 hingga 30 September 2020, menggantikan Datuk Mohd Amin Nordin. Sebelum itu beliau ialah Presiden Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Menurut Nor Hisham, gelandangan bertanggungjawab terhadap 80 peratus kekotoran persekitaran. Oleh itu mereka mesti digerakkan bersama melakukan kerja pembersihan dan tidak hanya dilihat sebagai masalah.

Menarik juga cadangan mantan Datuk Bandar ini. Belum ada sesiapa pernah melontar idea agar golongan yang ‘mengotorkan’ bandar raya perlu membersihkannya. Ertinya tugas melupus sampah sarap tidak hanya dilakukan oleh syarikat pembersihan, Alam Flora.

Adi difahamkan, pekerja Alam Flora sendiri merasai beban berat membuat pembersihan memandangkan kuantiti sampah sarap yang dibuang oleh gelandangan ini banyak.

Mereka juga dikatakan membuang sampah sesuka hati di lokasi mereka berada. Kerap kali pula sampah sarap ini dibuang di hadapan kedai atau premis perniagaan sehingga menimbulkan rungutan para peniaga.

Turut menjadi mangsa ialah kawasan tarikan pelancong yang menjadi lokasi pembuangan sampah. Keadaan ini mengugat keindahan dan kebersihan kawasan tersebut dengan sampah sarap bertaburan, menimbulkan bau kurang enak.



PENGLIBATAN gelandangan bukan sekadar meringankan tugas Alam Flora malah lebih menjadikan mereka orang berguna.

Tentu sahaja ini memberi imej tidak baik kepada ibu negara terhadap pelancong sedangkan kebersihan dan keindahan adalah ciri yang diterap dan diamalkan di ibu kota. Akibatnya, ada pemandu pelancong yang mengelak membawa pelancong ke kawasan yang kotor.

Ini merugikan kerana terlepas peluang mempromosi lokasi menarik kepada pelancong luar negara khususnya. Tetapi jika hendak dibawa juga, mungkin boleh memalukan negara. Jadi cara terbaik ialah mengelakkan kawasan yang kotor.

Justeru pada pandangan Adi, cadangan melibatkan gelandangan membersihkan bandar raya wajar disambut baik. Ia bukan sekadar membantu meringankan tugas Alam Flora, tetapi menyedarkan

gelandangan agar tidak membuat sampah sesuka hati. Kawasan di mana mereka berada bukan kawasan buang sampah.

Walaupun kerajaan ada menyediakan kemudahan untuk gelandangan seperti rumah transit, tidak semua dapat diserap kerana jumlahnya ramai. Begitu juga yang berada di rumah transit bukan kekal di situ. Sampai waktu yang dirasakan mampu berdikari, mereka perlu pergi.

Yang tidak memperoleh kediaman di rumah transit atau gagal mencari kediaman selepas keluar daripada rumah tersebut, akan membentuk kumpulan gelandangan. Mereka berkeliaran di ibu kota mencari tempat berteduh, di samping mengharap sumbangan makan minum atau wang daripada orang ramai.

Namun perlu diingat mereka adalah golongan insan biasa, ada hati dan perasaan. Cuma nasib mereka tidak sebaik orang biasa. Tidak dapat Adi perincikan kenapa mereka menjadi gelandangan. Mungkin kerana tekanan hidup, masalah keluarga atau sebagainya.

Lantaran tekanan, kehidupan jadi tidak terurus. Ke sana sini membawa diri. Kerap kali tidur di kaki lima berasal simen atau kotak. Ada kalanya hanya beratap langit, berlampaun bulan dan bintang. Kawasan sekitar pula menjadi tong sampah.

Adi boleh faham kenapa secara keseluruhannya gelandangan merupakan penyumbang besar membuat sampah sarap. Sebab

itu golongan ini disifatkan sebagai masalah.

Tetapi perspektif ini perlu diubah. Seperti kata Nor Hisham, di sebalik melihat mereka sebagai masalah, pendekatan kini wajar lebih menjurus kepada menjadikan mereka orang berguna.

Pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp) perlu menerima hakikat bahawa isu gelandangan bukan isu ringan, tetapi isu berterusan di ibu kota sejak lama.

BERI PERANAN PENTING

JUSTERU saranan untuk mereka memainkan peranan membersihkan ibu kota mampu membantu menangani isu gelandangan ini. Tenaga mereka digunakan untuk pembersihan bandar raya dan dalam proses itu boleh membantu mengubah nasib mereka ke arah lebih baik.

Bagaimana ini boleh berlaku? Pertama, dengan memberi mereka peranan akan menyebabkan mereka rasa dihargai dan nasib mereka diambil tahu. Usaha ini perlu melibatkan kerjasama semua agensi seperti yang Adi sebut di atas.

Agensi-agensi berkewajipan terlebih dahulu perlu mengenal pasti lokasi gelandangan. Bahagikan mereka ke dalam kumpulan kecil. Seterusnya letak setiap kumpulan di kawasan tertentu di mana mereka perlu

membuat kerja pembersihan secara berterusan.

Adi optimis usaha ini bakal menimbulkan kesedaran di kalangan gelandangan bahawa kebersihan adalah penting untuk kehidupan sejahtera dan selesa. Ini boleh memupuk sikap menjaga kebersihan, sayang kepada persekitaran serta tidak membuang sampah sesuka hati. Malah mereka juga boleh menjadi mata telinga untuk menjaga harta awam di persekitaran.

Pada peringkat awal, mungkin sukar memberi kefahaman kepada mereka konsep menjadi tenaga pembersihan. Ini kerana selama ini mereka boleh membuat sampah sesuka hati dan tidak perlu pun membersihkan apa-apa.

Kerana itu perlu ada tarikan dalam bentuk penghargaan atau upah. Tidak semestinya dalam bentuk kewangan. Antaranya dalam bentuk kupon yang boleh ditukar dengan barang makanan dan keperluan lain di kedai runcit tertentu.

Pendedahan yang diberi menjaga kebersihan serta insentif yang diberi mampu mewujudkan ‘semangat kekitaan’. Kawasan di mana mereka berada jadi seperti milik sendiri dan kerana itu perlu sentiasa dijaga kebersihan dan keindahannya.

Setelah perasaan ini tersemat di hati, tugas seterusnya lebih mudah. Untuk memastikan mereka terus komited ‘menjaga’ kawasan, kelompok yang didapati menjaga kawasan dengan baik serta prestasi cemerlang boleh diberi penghargaan dalam bentuk wang tunai atau insentif lain.

Ini juga akan menggalakkan pertandingan sihat dalam kalangan gelandangan untuk mewujudkan persekitaran jagaan mereka sebagai terbersih dan terindah, bukan sekadar tempat untuk lepak dan tidur.

Oleh itu Adi berharap apa yang dicadangkan oleh Nor Hisham diberi perhatian serius oleh DBKL serta cuba dilaksanakan. Kita tidak tahu hasil sehingga dicuba.

Yang penting pada masa sama ia merupakan usaha mengubah status gelandangan agar mereka boleh menjadi kelompok berguna serta mampu berdikari, tidak hanya ke sana sini mengharap ihsan orang ramai.

Kerajaan telah banyak membantu gelandangan, seperti mewujudkan kebun bandar yang hasilnya mereka niagakan, juga memberi kursus untuk menceburi perniagaan kecil-kecilan. Semua ini bertujuan untuk mereka memperbaiki diri. Justeru tanamlah azam untuk berubah menjadi insan berguna serta menikmati hidup yang lebih sempurna tanpa bergantung kepada orang lain.

Adi—Suka yang bersih, indah

Adi Taib

RAGAM KOTA

F#minor

2024 BAKAL MENJELANG

“Harapan wak... ditutup baru ini, semua pihak berkerjasama untuk memajukan negara dalam masa yang sukar ini...”
WAK RUDINAS - WANGSA MAJU

“Kalau boleh, kurangkanlah aktiviti-aktiviti hiburan bersekala besar di ibu kota...”

“Filem hindi ‘Kati Patang’, Hero gagah pantang kalah, KL kini ramai pendatang, Moga tidak bawa masalah.”
YEOB NAZRIEY - KEPONG

KANG RAOP - CHERAS

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Belajarlah menyaring maklumat



KU SEMAN KU HUSSAIN

BANJIR adalah fenomena air yang melimpah disebabkan aliran terhalang atau kuantitinya terlalu banyak pada satu-satu masa. Sifat fizikal air itu pula lebih kurang sama sahaja dengan teh tarik yang menjadi kegemaran ramai.

Segelas teh tarik memang sangat enak diminum. Tetapi cuba bayangkan sekiranya teh tarik itu seperti air Sungai Klang di tengah-tengah Kuala Lumpur yang melimpah. Sudah tentu bukan sahaja hilang enaknya malah mengundang bahaya.

Maknanya sesuatu perkara atau perbuatan tidak boleh berlebihan, sebaik-baiknya hanya pada skala yang sesuai dengan keperluan. Apabila air berlebihan akan menyebabkan limpahan dan seterusnya banjir.

Itu kisah air. Perkara itu sama juga dengan kuantiti maklumat yang banyak dan datang seperti aliran sungai pada musim tengkujuh. Aliran yang bertukar ganas itu merempuh dan meninggalkan kesan buruk pada kesihatan mental sesetengah individu.

Pada era digital, limpahan itu selalu juga disebut sebagai '*information overload*'. Maklumat melimpah disebabkan terlalu banyak saluran yang membawa maklumat kepada kita termasuk yang sama sekali tidak diperlukan.

Istilah '*information overload*' muncul pertama kali dalam buku *The Managing of Organization* tulisan ahli sains sosial, Profesor Bertam Gross tahun 1964. Bagaimanapun istilah itu menjadi popular selepas digunakan oleh Alvin Toffler dalam bukunya, *Future Shock* (1971).

Alvin Toffler adalah seorang yang dianugerahkan kelebihan, dia mempunyai kuasa meramal yang luar biasa. Dalam *Future Shock* yang ditulis 50 tahun lalu dia meramalkan kewujudan e-mel, integrasi media dan media dalam talian pada abad ke-21.

Akhirnya sebahagian besar daripada ramalan itu menjadi kenyataan sejak dekad pertama abad ke-21. Ketika itu maklumat mulai melimpah dengan berleluasnya jaringan global seperti Internet dan globalisasi pun mulai mendakap planet bumi.

Sekarang ini dianggarkan



SEBAHAGIAN besar warga dunia berdepan tekanan emosi akibat lambakan maklumat hingga menjaskan kesihatan mental.

tidak kurang daripada 1.8 bilion laman web termasuk portal berita di seluruh dunia. Daripada jumlah laman web itu, terdapat tidak kurang 820, 240 hantaran (*posting*) dibuat dalam sehari atau 34,260 hantaran sejam. Bayangan gelombang maklumat yang berlaku pada era digital ini.

Apakah itu limpahan maklumat? Secara mudah keadaan itu menunjukkan aliran masuk maklumat yang kemungkinan singgah di peranti (misalnya telefon pintar) terlalu banyak mencakupi pelbagai isu.

Dalam kuantiti yang banyak itu, hanya sedikit sahaja yang benar-benar relevan dengan kita. Selebihnya seperti sampah sarap yang tidak mendatangkan manfaat. Sementara sifat lambakan itu adalah pengulangan yang keterlaluan.

Kepada yang tidak bijak menyaring, limpahan itu boleh menyebabkan kekeliruan dalam membuat keputusan, tekanan perasaan dan keletihan mental yang luar biasa. Perkara itu berlaku disebabkan oleh keterbatasan otak memproses maklumat yang terlalu banyak.

Dalam bidang kesihatan

mental, perkara yang berlaku itu disebut '*cognitive overload*'. Ia boleh mendatangkan kesan buruk pada kesihatan mental individu yang terdedah dengan limpahan maklumat itu.

LEMAS DALAM LIMPAHAN

SINDROM demikian mencipta satu rupa kehidupan sosial yang baharu, dunia seolah-olah menjadi sempit serta melemaskan, sementara maklumat pula bergumpalan bagi awan hitam mencari mangsa.

Nampak seperti kelakar tetapi kepada mangsa yang menderita kesan limpahan, itu satu tragedi. Sekalipun begitu banyak dalam kalangan ahli masyarakat kurang mengetahui tentang sindrom berkenaan dan cara menghindarnya.

Limpahan maklumat boleh mencetuskan tiga keadaan. Pertama; kualiti dan akurasi maklumat sudah mencair, malah banyak yang palsu. Kedua; berlaku pengulangan yang keterlaluan serta bertindih antara satu dengan lain. Ketiga; mewujudkan terlalu banyak perspektif yang akhirnya membawa pada

kekeliruan.

Akibatnya berlakulah sindrom kerisauan melampau (*anxiety*). Mangsa telah dikepung dan dilemaskan oleh maklumat yang tidak sepatutnya diterima. Banyak masa terbuang dengan sia-sia apabila memberi perhatian pada maklumat berkenaan.

Lihat sahaja ketika pandemik COVID-19 melanda dunia sejak tiga tahun lalu. Sebahagian besar warga dunia berdepan tekanan emosi hingga menjaskan kesihatan mental. Tekanan itu bukan sahaja disebabkan pandemik, tetapi juga kesan lambakan maklumat yang berulang-ulang mengenai COVID-19.

Itu belum lagi 'entah siapa-siapa' tiba-tiba muncul sebagai 'profesor serba tahu' tentang pandemik. Seolah-olah menjadi jurucakap Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Individu seperti itu tidak ada wibawa, tetapi mendapat perhatian dalam kalangan mangsa limpahan maklumat.

Dalam media tempatan juga penuh dengan berita COVID-19. Tidak cukup itu dilambakkkan pula angka-angka dan diulang-ulang saban hari hingga penonton rasa

loya dan tertekan. Banyak yang tidak sedar sudah dipusarkan dan akhirnya menderita sindrom kerisauan melampau.

Siapa yang hendak menyelamatkan supaya kita tidak terperangkap dalam limpahan maklumat? Siapa lagi, kita sendirilah yang menguruskan diri supaya hanya menerima maklumat yang memberi manfaat, bukan yang mendatangkan ancaman pada kehidupan.

Bagaimana hendak menguruskan diri tidak berlaku limpahan maklumat? Hal ini perlu dilakukan atas kesedaran dan menjadikan diri sentiasa celik media. Celik huruf sahaja bukan jaminan menjadikan kita celik media.

Malah permasalahan besar yang diapungkan oleh Alvin Toffler dalam *Future Shock* adalah buta media dalam berdepan dengan perkembangan teknologi komunikasi yang tidak ada garis sempadannya.

Kalau era awal merdeka dulu kerajaan mengerakkan usaha membasmi buta huruf. Tetapi ketika ini sepatutnya perlu ada usaha membasmi buta media yang gagal memilih maklumat.

Usaha kendiri yang penting sekali adalah tahu apakah maklumat yang diperlukan. Ada beribu malah berjuta maklumat, tetapi bukannya semua itu mesti diambil tahu. Pilih yang ada keperluannya dengan kehidupan kita.

Masa lebih bernilai daripada emas. Disebabkan begitu berharganya masa, hadkan sumber maklumat pada tiga atau paling banyak pun hanya empat sahaja. Misalnya kita hanya mendapat perkembangan terbaru dari tiga portal berita sahaja.

Pilih yang ada wibawa misalnya pasukan editorial diyakini dan mempunyai rekod lampau yang baik. Boleh juga memilih satu atau dua portal atau surat khabar dalam talian dari luar negara yang berwibawa.

Ingat, tidak ada anggota dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang boleh menyelamatkan kita daripada lemas dalam pusaran maklumat yang ganas.

Seua mesti dihadapi sendiri dengan tekad mengawal maklumat dan bukan membiarkan maklumat yang mengawal kita. Mulakan tekad baharu untuk tidak menjadi 'serba tahu' tentang perkara-perkara yang tidak membawa manfaat.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





ORANG ramai digalakkan untuk memakai pelitup muka dan mengelak 3C.

Harapan kini terletak di bahu Dr Dzulkefly



ZULKIFLI SULONG

KENYATAAN yang dibuat oleh Menteri Kesihatan yang baru dilantik semula, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad bahawa kerajaan tidak mempertimbangkan untuk mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran peningkatan kes COVID-19 sekarang melegakan banyak pihak.

Ini kerana kesengsaraan yang dihadapi rakyat dan negara ini ketika PKP sebelum ini masih terasa kesannya sehingga kini. Selain kesengsaraan individu, badan-badan perniagaan yang banyak sengsara sehingga kini. Banyak lagi hotel-hotel yang ditutup ketika PKP masih kekal begitu.

Dr Dzulkefly dalam sidang media pertama beliau selaku Menteri Kesihatan berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan lima langkah dan strategi dalam menghadapi peningkatan jangkitan ketika ini.

"Kita (KKM) harap dapat melalui (fasa peningkatan jangkitan ketika ini) tanpa melalui sekatan termasuk PKP yang dilaksana pada awal pandemik dulu."

"Kita dah tak cakap mengenainya (sekatan) atau akan mengulangi PKP. Sebab banyak yang tanya dan banyak kegusaran di situ," katanya pada sidang media di Putrajaya pada Isnin.

Dalam masa sama, beliau memberi jaminan bahawa keadaan semasa penularan COVID-19 masih dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan kemudahan kesihatan sedia ada.

Jangkitan COVID-19 menyaksikan peningkatan kepada 20,696 kes dengan 28,375 kes aktif bagi tempoh 10 hingga 16 Disember lalu.

Laporan sama menunjukkan 588 pesakit sedang menerima rawatan di hospital, 22 orang diempatkan di unit rawatan rapi (ICU)

manakala 14 kes memerlukan penggunaan ventilator.

Sebelum ini, KKM menggalakkan orang ramai memakai pelitup muka manakala bagi individu yang menunjukkan gejala dinasihatkan supaya mengelak 3C yang merujuk kawasan sempit, sesak dan bersempangan pada jarak dekat.

Ketika Dr Dzulkefly melepaskan jawatan Menteri Kesihatan sebelum ini, COVID-19 sedang menular. Beliau dan pasukan KKM ketika itu sedang mengelak penularan wabak tersebut apabila secara tiba-tiba berlaku peristiwa tebus atap sehingga menjatuhkan kerajaan ketika itu.

Sehingga kini rakyat masih terasa kesan dari COVID-19. Yang terasa bukan kerajaan wabak itu sangat tetapi usaha kerajaan yang cuba mengelak wabak itu menimbul kesan yang sangat negatif. Ia berlaku apabila masa yang diambil untuk mengawal wabak itu terlalu panjang dan menghentikan banyak operasi ekonomi rakyat. Ketika negara lain di dunia sudah membuka aktiviti ekonomi, Malaysia masih dalam PKP.

Buat pertama kalinya dalam sejarah negara khasnya umat Melayu, ada antara orang Melayu mengambil tindakan membunuh diri ketika berdepan dengan wabak ini. Ia bertentangan dengan normal dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam bahawa membunuh diri adalah satu perkara yang *taboo*.

Mereka yang tertekan juga terpaksa mengangkat bendera putih bagi mendapatkan bantuan selepas terputus bekalan khasnya makanan.

Dr Dzulkefly sendiri mengaku, langkah mengenakan PKP yang terlalu panjang menjadi punca utama mengapa sekurang-kurangnya 1,660 orang membunuh diri di negara itu sepanjang PKP lalu.

Dr Dzulkefly berkata demikian dalam wawancaranya dengan laman berita *HarapanDaily* yang disiarkan 17 Januari lalu.

Selain itu, PKP yang panjang telah dikatakan menjadi alat

yang telah disalahgunakan untuk kepentingan sesetengah pihak untuk mencuri dana kerajaan. Ia terbukti selepas kerajaan itu jatuhan, banyak yang terdedah kepada masyarakat mengenainya.

"Selepas kerajaan PH dijatuhi, saya telah dilantik sebagai Pengurus STFC (Selangor Task Force for COVID-19). Melalui STFC kami telah mengkritik keras PKP yang *prolonged* (diperpanjangkan) sebegini.

"Kami lebih mencadangkan PKP yang terfokus dan tegas tetapi bukan begitu. Sebab itu saya bersetuju apabila PKP ini dikatakan *tool* (alat) yang telah disalah gunakan. Sepatutnya ia dibuat dalam jangka masa yang tepat dan pantas dan bukan *prolonged*," kata Ahli Parlimen Kuala Selangor itu dalam wawancara itu.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin memberitahu Dewan Rakyat, 1,660 orang telah membunuh diri sepanjang PKP yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.

Sebanyak 638 kes bunuh diri dilaporkan berlaku di negara ini di antara Januari hingga Julai tahun 2021, iaitu peningkatan 143 peratus berbanding tempoh sama tahun 2020.

Kini Dr Dzulkefly sekali lagi diamanahkan untuk menjadi Menteri Kesihatan. Kebetulan pula perlantikan beliau berlaku ketika COVID-19 meningkat kembali di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Kita berharap, dengan pengalaman beliau sebelum ini sebagai Menteri Kesihatan, pengalaman beliau selaku Pengurus STFC dan pengalaman luas beliau selaku pensyarah perubatan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan pengkaji dan penyelidik mengenai racun, akan dapat membantu rakyat dan negara berhadapan dengan wabak yang menggerunkan seluruh umat manusia ini.

Penulis juga merasai kesan PKP yang *prolonged* namun bersyukur tidak ada kesan besar mengenainya dan menjalani kehidupan seperti biasa. WK



Cabaran Dr Zaliha terajui WP

BAGI warga Wilayah Persekutuan (WP), nama yang popular kini ialah Dr Zaliha Mustafa. Sejak diumum sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dalam rombakan Kabinet pada 12 Disember lalu, nama Dr Zaliha mula menjadi bualan dalam kalangan warga WP Kuala Lumpur khususnya.

Nama Ahli Parlimen Sekijang, Johor itu bukan asing kerana sebelum ini telah memegang jawatan Menteri Kesihatan. Namun barangkali ramai teruja kerana ini kali pertama seorang wanita diberi tanggungjawab menerajui Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Untuk rekod, pentadbiran ketiga-tiga WP sebelum ini diletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Namun kementerian berkenaan dimansuh selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 pada 2022 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan taraf Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Belum terlalu lewat mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Dr Zaliha untuk mengemudi WP yang serba mencabar. Ini selaras dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara serta pusat kewangan dan ekonomi negara.

Putrajaya pula pusat pentadbiran negara yang pesat membangun sementara Labuan ialah pusat kewangan pesisir pantai. Ketiga-tiga wilayah memerlukan perhatian berterusan serta perancangan pembangunan yang teliti untuk memastikan

kebijakan warganya sentiasa terpelihara.

Ini antara cabaran utama bagi Dr Zaliha, masalah perumahan bagi golongan berpendapatan rendah atau B40 di ibu kota masih serius. Kelompok ini menaruh harap kepada rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana harga sewa atau jualan dalam jangkauan kemampuan.

Kesesakan lalu lintas pula sudah menjadi pakaian harian penduduk ibu kota. Jumlah kendaraan bertambah dengan banyak setiap minggu, bulan dan tahun berbanding pembinaan jalan baharu atau menambah baik jalan sedia ada. Kerana itu kesesakan lalu lintas sukar diatasi sepenuhnya.

Pada perkiraan kawan-kawan Kedai Kopi, satu cara yang boleh Dr Zaliha lakukan ialah menggalakkan lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam. Namun sistem pengangkutan awam mesti lebih berkesan. Menyediakan laluan khas bas seperti sekarang dilihat satu cara yang boleh membantu.

Beberapa isu lain juga memerlukan perhatian Dr Zaliha. Ini termasuk isu banjir, penjaja, kemudahan awam, kebersihan dan sebagainya. Beri sedikit masa kepada Dr Zaliha memahami dan menghadam isu ini semua. *InsyahAllah* dengan bantuan para pentadbir serta semua pihak berkepentingan di Wilayah Persekutuan, tugas akan lancar.

Berhati-hati rai cuti sekolah

SEKARANG musim cuti sekolah, bermula 16 Disember lalu sehingga 1 Januari 2024. Tanggal 1 Januari juga bakal membawa fajar tahun baharu 2024 kepada murid-murid dan pelajar serta seluruh rakyat Malaysia.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya seperti kebiasaannya, cuti sekolah adalah masa terbaik untuk ibu bapa membawa anak-anak dan keluarga bersantai merehatkan minda.

Kata orang, asik belajar sahaja pun tidak bagus. Perlu ada masa untuk berlibur dan bertukar angin.

Sempena cuti, pelbagai tempat pelancongan menjadi tumpuan. Yang ada kemampuan mungkin bercuti ke luar negara.

Yang lainnya cukup sekadar mengunjungi tempat menarik dalam negara. Banyak lokasi untuk dilawati di seluruh negara.

Dalam kemeriahan cuti ini, kawan-kawan Kedai Kopi ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa berhati-hati di jalan raya. Ini memandangkan jumlah kendaraan di jalan raya

bertambah.

Sangat penting untuk bersabar dan tidak menurut emosi ketika berhadapan dengan kesesakan. Jaga disiplin, elak kejadian tidak diingini. Sudah kerap kali kita mendengar atau membaca berita bagaimana sikap tidak sabar atau panas baran menyebabkan tragedi. Biar lambat asal selamat.

Begitu juga ketika berada di lokasi pelancongan, sentiasa beringat dan menjaga diri. Usah terlalu seronok sehingga lupa menjaga keselamatan diri dan keluarga. Jangan sampai matlamat untuk berhibur dan bergembira bersama keluarga berubah menjadi duka.

Kepada murid dan pelajar, nasihat kawan-kawan Kedai Kopi ialah dalam bergembira usah lupa terus pelajaran. Rajin buat ulang kaji, terutama bagi yang bakal menghadapi peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bergembira bukan bermakna alpa belajar. Ingat, rajin dan usaha tangga kejayaan.

WIKI

Bil 242.22-28 DISEMBER 2023

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

**Pustaka KL Digital Madani
gedung dunia teknologi**



Foto: SHUAIB AYOB
HAZIRAH HALIM

PUSTAKA KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri merupakan sebuah perpustakaan yang berkonsep pusat pembelajaran dan bahan bacaan secara digital yang ditubuhkan menerusi projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Perjanjian Deed Of Gift yang ditandatangani pada 29 Januari 2013.

Pembukaan pustaka digital yang merupakan projek ketiga di bawah MRCB selepas membina dua perpustakaan hibrid iaitu Pustaka KL @ Lembah Pantai pada 16 Mac 2015 dan Pustaka KL @ Medan Idaman di Danau Kota pada 21 November 2017.

Pustaka ini disiapkan dan diserahkan kepada pihak DBKL pada 9 Ogos lalu dengan berkonseptan perpustakaan digital sepenuhnya dan telah mula beroperasi pada 17 Oktober serta dirasmikan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 31 Oktober lepas.

Pustaka KL Digital Madani atau nama singkatannya PDM berperanan sebagai sebuah hub informasi yang mendukung pengembangan intelektual pendidikan dan kebudayaan di kawasan sekitar. Ia menyediakan pelbagai akses terbuka

kepada koleksi sumber digital seperti e-book, jurnal elektronik dan pangkalan data.

Selain itu, ia juga turut menyediakan pelbagai program latihan dan aktiviti untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan penduduk di Kuala Lumpur dengan berkolaborasi bersama pelbagai agensi.

Jelas terbukti, objektif PDM adalah untuk menyediakan satu platform maklumat digital yang mampu memanfaatkan semua masyarakat khususnya di Kuala Lumpur dari anak-anak sehingga dewasa.

Di samping itu, ia menyediakan akses informasi yang mudah dan bertindak dengan memberi pendedahan kepada pengguna dalam menggunakan teknologi untuk memperoleh maklumat lebih tepat, cepat dan berkesan.

DUNIA KINI BERUBAH

PUSTAKA KL Digital Madani merupakan salah satu perpustakaan di Kuala Lumpur yang dibina dengan kelengkapan perkakasan elektronik, komputer dan talian Internet yang pantas dan mudah.

Dengan perubahan kepada sistem teknologi tersebut, ia dapat meningkatkan layanan, ketersediaan informasi dan respons terhadap perkembangan teknologi informasi yang terus berlanjut sekali gus

mengekalkan relevansi serta menjadi sebuah pusat pembelajaran yang bermanfaat kepada masyarakat.

Berkongsi lanjut mengenainya, Ketua Bahagian Pengurusan Program dan Teknikal, Perpustakaan Kuala Lumpur, **Anita Mohd Jali** berkata PDM tersebut menyediakan pelbagai platform carian maklumat di mana ia boleh diakses oleh pengguna perpustakaan sama ada untuk pembelajaran, kerja pejabat atau bersantai.

"Penggunaan teknologi pada masa kini amatlah penting terutama dalam carian dan perkongsian maklumat di serata dunia. Kalau tanya pada pustakawan seperti kami, sudah tentu pembacaan secara fizikal adalah lebih seronok berbanding secara digital namun dunia masa kini sudah berubah, segala maklumat boleh diperoleh secara hujung jari sahaja.

"Selama hampir sebulan beroperasi, kami lihat rata-rata pengunjung yang gemar ke sini dalam kalangan anak muda tidak kira pelajar sekolah, universiti maupun yang sudah bekerja dan mereka juga mengatakan bahawa tempat ini sesuai untuk dijadikan sebagai pusat pembelajaran kerana ia lebih selesa dan tidak sesak.

"Fokus utama kita adalah ingin memberi keselesaan dan

perkhidmatan terbaik kepada pengunjung. Justeru itu, perpustakaan ini turut menyediakan 28 unit komputer meja termasuk empat unit iMac, 10 unit iPad dan notebook selain kios paparan elektronik dan panel interaktif," katanya.

Berkongsi tentang aktiviti, Anita berkata kini PDM sedang melaksanakan kelas tuisyen anak Madani di mana ia merupakan projek kerjasama dengan Yayasan Tuisyen Anak Madani yang memberi peluang kepada anak-anak daripada golongan berpendapatan rendah (B40) menyertai secara percuma.

"Kelas tuisyen ini melibatkan pelajar sekolah rendah di sekitar kawasan ini dan ia diadakan pada setiap hari Sabtu. Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan lancar dan dalam masa yang sama kita juga merancang untuk mengadakan kelas ke arah ekonomi seperti kelas digital fotografi dan e-marketing untuk usahawan tempatan.

"Kita juga turut menyediakan ruang kanak-kanak yang dilengkap dengan smart interactive table, interactive floor projection dan live colouring book selain ruang multimedia yang menempatkan Virtual Reality (VR) serta permainan Playstation 5 (PS5) bagi galakan

untuk golongan remaja," katanya. Pelanggan perlu mendaftar sebagai ahli terlebih dahulu untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Sebagai sebuah perpustakaan yang bertindak memberikan perkhidmatan sepenuhnya secara digital, Pustaka KL Digital Madani dilihat mampu menjadi penaulang kepada dunia teknologi atau digital.

Justeru itu, Anita mewakili PDM berharap dengan permulaan perpustakaan yang berkonsep digital ini, dapat membantu perkembangan pembelajaran sepanjang hayat dengan berlandaskan teknologi bermaklumat.

"PDM juga sedang merancang untuk menambah baik perkhidmatan dengan menyediakan akses pendidikan yang lebih luas berteraskan teknologi, meningkatkan literasi digital dengan menyediakan pelbagai aktiviti atau program berteraskan teknologi terkini dan moden di samping bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam menyediakan bahan rujukan serta program yang berkaitan dengan pendigitalan maklumat," katanya yang menyasarkan golongan muda dalam penggunaan teknologi tersebut.

Untuk rekod, sejak ia dibuka, seramai 260 orang telah menjadi ahli perpustakaan sepanjang tempoh tersebut dan lebih 1,000 orang telah mengunjunginya. **WK**





Ruang pembelajaran interaktif

BERKELUASAN 1,336 meter persegi dan mampu memuatkan seramai 300 orang dalam satu masa, Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri menawarkan pelbagai perkhidmatan pembelajaran dan bahan bacaan secara digital menerusi akses rujukan yang disediakan.

Pustaka ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu perkhidmatan secara fizikal merangkumi bilik perbincangan, ruang bacaan dan perkhidmatan secara atas talian (*online*) yang boleh dipecahkan lagi kepada enam platform iaitu *Buffet@PKL*, *KL Elib*, *U-Pustaka PNM Overdrive*, *Ulangkaji Via MyGuru*, *Koleksi Gambar Digital PKL* dan *Perkhidmatan Pangkalan Data U-Pustaka*.

Ketua Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan, **Shaharizad Adanan** berkata *Buffet @PKL* dan *KL Elib*

merupakan dua aplikasi yang menyediakan lebih 14,000 bahan bacaan terdiri daripada surat khabar, novel dan majalah untuk diakses secara percuma melalui peralatan pintar dan boleh dipinjam.

"Kedua-dua ini menawarkan perkhidmatan yang sama tetapi bezanya di *Buffet@PKL* menawarkan akhbar dan majalah baharu dan lama antaranya, *Wilayahku* dan sebagainya.

"Kita juga turut menyediakan aplikasi *MyGuru* iaitu sebuah aplikasi yang menyediakan nota-nota pembelajaran mengikut sukan pelajaran terkini dan bank soalan peperiksaan bagi memudahkan para pelajar meningkatkan kefahaman dan ilmu terhadap

mata pelajaran.

"Untuk aplikasi ini, kita ada 40 lesen dan hanya ditawarkan kepada *first come first serve*. Sesiapa yang berdaftar akan diberikan ID dan mereka boleh mendapatkan nota ringkas,

latihan interaktif serta soalan kuiz di aplikasi tersebut," katanya ia tertumpu kepada soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dalam pada itu, Shaharizad berkata PDM @ Bandar Sri Permaisuri di bawah Perpustakaan Kuala Lumpur juga

merupakan salah satu konsortium dalam projek U-Pustaka yang bekerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia dengan membekalkan lebih 4,476 buku elektronik (*e-book*) pelbagai bidang perkara melalui *OverDrive*.

"*OverDrive* lebih tertumpu kepada koleksi bahan bacaan berbahasa Inggeris yang diperoleh daripada bahan cerita di luar negara. Terdapat 140 judul buku audio dan 98 buku *read along* di mana semuanya percuma.

"Selain itu, PDM juga menyediakan platform Koleksi Gambar Digital PKL iaitu pelanggan yang berdaftar boleh mendapatkan koleksi gambar lama dan baharu Kuala Lumpur secara percuma dan turut menyediakan perkhidmatan Pangkalan Data U-Pustaka menerusi lebih 36 pangkalan data untuk diakses," katanya.

Dalam pada itu, Shaharizad turut memberitahu pihak MRCB juga telah menaja beberapa aplikasi berkoncepkan *educational games* dengan kos sebanyak RM30,000 bagi menambah koleksi digital di perpustakaan ini. **WK**



SHAHARIZAD



Bantu minda kanak-kanak

SELAIN memperkenalkan bahan pembelajaran secara digital kepada golongan dewasa dan pelajar-pelajar sekolah, Pustaka KL Digital Madani (PDM) turut mempunyai ruang khusus bagi kanak-kanak berumur dua tahun dan ke atas.

Bersesuaian dengan had umur tersebut, ruangan ini tidak hanya dihiasi dengan gabungan ilustrasi dan warna menarik malah ia juga turut dilengkapi dengan aplikasi *educational games* yang berbentuk 3D atau *Augmented Reality Educational Panel* (bahan pembelajaran dalam bentuk AR).

Menariknya di ruangan ini, Ketua Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Shaharizad Adanan berkata ia menggabungkan dunia nyata dengan elemen digital atau maklumat tambahan kepada kanak-kanak dengan menggunakan teknologi seperti *smart interactive table*, *interactive floor projection* dan *live colouring book*.

"Kita juga wujudkan empat bahagian

pembelajaran berbentuk 3D antaranya *Ocean World*, *Dinasour World*, *Solar System* dan *Safari World* di mana ia akan mengeluarkan bentuk objek tersebut secara 3D berserta penerangan lanjut. Ibu bapa atau penjaga hanya perlu mengambil tablet di kaunter dan imbas gambar tersebut. Pembelajaran seperti ini sangat menarik kerana mereka boleh mengenali dan melihat objek itu bergerak dengan lebih jelas," katanya.

Selain itu, Shaharizad berkata pihak PDM turut menyediakan *floor games* di mana ia menampilkan tiga jenis corak lukisan berbeza di mana kanak-kanak boleh mewarna lukisan tersebut dan ia akan mengeluarkan objek yang diwujudkan itu secara 3D.

"Sudut ini juga mempunyai tandas lelaki dan perempuan serta ruangan untuk ibu menukar lampin bayi," katanya tujuan ruangan ini dibuat adalah untuk menarik perhatian dan memberi pengetahuan baharu kepada kanak-kanak dengan konsep *edu-games* yang disampaikan.

WK





TERDAPAT juga perkhidmatan untuk membaiki jam di Pasar Karat.



Nostalgia Pasar Karat gamit memori



SHUAIB AYOB

PASAR Karat yang terletak berhampiran Jalan Petaling dan Jalan Sultan merupakan salah satu lokasi popular bukan sahaja dalam kalangan warga tempatan bahkan pelancong asing yang ingin mendapatkan barang antik pada harga yang murah.

Jika menelusuri lokasi tersebut, pasti anda dapat melihat peniaga yang

kebanyakannya dalam lingkungan usia emas dan pertengahan sibuk melayan pelanggan seawal pukul 6 pagi.

Menelusuri pasar yang telah beroperasi kira-kira 40 tahun itu pastinya menggamit memori lampau dengan himpunan barang seperti kaset, piring hitam dan gajet lama serta majalah yang sudah tidak lagi di pasaran.

Tidak ketinggalan juga koleksi 'rare' antaranya syiling lama, wang kertas, jam, kasut, cincin batu dan pelbagai

barang lain yang menjadi buruan pengumpul barang lama.

Tinjauan Lensa Wilayahku baru-baru ini dapat merasai kemeriah aktiviti yang tidak asing lagi iaitu tawar-menawar di antara peniaga dan pembeli di pasar lagenda tersebut.

Bukan hanya tempat berniaga semata-mata, malah di situ juga peniaga dan pembeli menjalin perpaduan dan persahabatan mesra melalui barang dagangan, tidak kira kaum Melayu, India dan juga Cina. **WK**



PELBAGAI jenis kasut turut dijual termasuk kasut kulit buat lelaki dan juga wanita.



PELBAGAI bentuk dan saiz cincin lelaki dijual di pasar tersebut.



SEORANG peniaga menyusun barang yang dijualnya di Pasar Karat Kuala Lumpur.



Inti padat pikat pembeli



DIANA AMIR

MENGKALKAN rasa yang enak dan kualiti yang tinggi merupakan rahsia utama Murtabak Ana yang terletak di Pasar Chow Kit mampu bertahan selama 40 tahun.

Menurut Pengurusnya, **Muhammad Hafizuddin Muhamad Zaki**, 31, perniagaan yang dijalankan sejak era 80-an itu mempunyai banyak persaingan namun keunikannya membuatkan ia dikenali ramai.

"Kalau kita tengok hari biasa susah nak jumpa murtabak, saya antara individu yang menjualnya pada waktu pagi dan apabila kita kekalkan rasa dan kualiti itulah yang membuatkan pelanggan datang semula."

"Menu paling laris semestinya murtabak daging. Inti yang kita tawarkan tebal dan padat dengan daging bukan bawang semata-mata membuatkan pembeli jatuh hati selepas menikmati Murtabak Ana."

"Itulah kelebihannya selain rasa yang premium, harga yang rendah iaitu RM4.50 sekeping tidak membebankan pembeli terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40)," ujarnya Murtabak Ana juga turut diminati oleh pelancong asing.

Tambahnya lagi, sebelum ini murtabak tersebut dijual dengan harga RM4 sekeping namun dinaikkan sedikit berikutnya semasa barang mentah pada hari ini.

"Alhamdulillah kebanyakkan pelanggan tidak kisah dengan harga terbaru sebab mereka faham dengan keadaan sekarang. Ada yang membeli sehingga 20 keping untuk dihantar kepada anak dan saudara-mara di luar negara."

"Biarpun murtabak terjual sehingga 600 hingga 700 keping pada hujung minggu namun kami tidak bercadang untuk



MUHAMAD HAFIZUDDIN membantu menguruskan perniagaan ayahnya.

mempelbagaikan menu kerana tidak mahu pelanggan menunggu lama," ujarnya pesanan hanya dibuat menerusi panggilan telefon.

Berkongsi mengenai perancangan akan datang, Muhammad Hafizuddin berkata pembukaan cawangan lain masih dalam perancangan memandangkan pembuatan murtabak adalah rumit dan memerlukan kemahiran.

"Saya jenis berpegang pada kualiti. Kalau nak buka cawangan lain, kita memerlukan pekerja

yang pakar untuk menguruskan perniagaan tersebut. Jika tersilap, ia akan merosakkan rasa dan kualiti Murtabak Ana."

"Selain itu, saya juga menyimpan hasrat untuk membuka sebuah kilang bagi penjualan murtabak sejuk beku namun itu juga mengambil masa dan memerlukan perancangan yang teliti/jelasnya yang mengharapkan perniagaan ini akan terus maju dan mempunyai pelanggan dari seluruh pelosok dunia. WK"

Makanan ringkas tapi kenyang

WANPAKU Sandwic atau juga dikenali sebagai Wanpaku Sando adalah makanan diet stail terbaru dari Jepun yang menjadi 'kegilaan' ramai di seluruh dunia.

Dihasilkan daripada kepingan roti yang dilapis dengan pelbagai jenis sayur dan kepadatan isi, sajian Wanpaku Sandwic ini mampu mengenyangkan perut dalam jangka masa panjang.

Menurut Pemilik Eat With Love, **Anis Najihah Arman Zukee**, 25, idea Wanpaku Sandwic itu muncul daripada rutin hariannya yang sibuk menguruskan anak yang masih kecil.

"Disebabkan masa yang terhad saya perlu mencari makanan yang ringkas tetapi mengenyangkan tambahan pula suami selalu minta untuk buatkan makanan seperti wrap, sandwic dan sebagainya jadi dari situ idea tersebut datang."

"Keunikan kerana ia mempunyai tiga lapisan yang dihasilkan daripada kepingan roti yang dilapis dengan pelbagai jenis sayur dan bahan-bahan berwarna-warni membuatkan ia kelihatan menarik dan cantik," katanya kepada Wilayahku.

Berkongsi keistimewaan Wanpaku Sandwic berbanding jenama lain yang berada di pasaran, Anis Najihah berkata mereka turut menyediakan sos buatan sendiri untuk dimakan bersama.

"Saya dan suami memang suka memasak, jadi kami mengeluarkan resipi sendiri untuk sos tersebut yang mempunyai rasa pedas, manis dan masam. Kami menggunakan ayam panggang yang diperap semalam selain roti juga turut dipanggang sebelum dibalut untuk mengekalkan kualiti."

"Antara menu yang terlaris adalah Spicy Chicken, Wanpaku Spicy Crab, Chicken Pla, Buttermilk Chicken serta Milk Tea Latte di mana semua produk kita adalah 100 peratus resipi sendiri dan telah ditambah baik mengikut cita rasa Melayu," ujarnya harga bermula serendah RM9 sehingga RM15.

Menjalankan perniagaan dari rumah, Anis Najihah berkata antara cabaran yang dihadapi adalah kawasan yang terhad membuatkan dirinya terpaksa menolak untuk mengambil tempahan dengan banyak.

"Ruang bekerja juga sangat terhad dan amat tidak bersesuaian untuk menjalankan perniagaan dari rumah dan disebabkan itu saya tidak boleh mengambil pesanan yang banyak."

"Saya turut merancang untuk berpindah ke studio atau ruang yang lebih besar bagi mengembangkan perniagaan yang semakin diterima ramai ini," ujarnya penghantaran sekitar Kuala Lumpur dan Selangor bermula pukul 12 tengah hari sehingga 2 petang atau boleh diambil di Cyberjaya. WK





DISIPLIN merupakan perkara penting yang sering ditekankan kepada pelajar untuk berjaya. - Gambar hiasan

Belum terlambat menempa laluan sendiri

DALAM debaran meniti hari-hari terakhir sebelum menjelangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), ramai pelajar tertanya-tanya apakah mereka berpeluang untuk memiliki kerjaya idaman jika keputusan peperiksaan yang penting ini nanti tidak seperti yang diharapkan.

Pada waktu ini, satu-satunya perkara yang ada dalam minda pelajar SPM adalah peperiksaan SPM itu sendiri.

Masih lagi segar dalam ingatan, perasaan dan suasana sebelum menduduki peperiksaan. Walaupun dulu belajar di sekolah berasrama penuh tetapi saya bukanlah pelajar yang bagus. Dalam masa yang sama tidak suka apabila pihak sekolah mengenakan peraturan yang ketat tetapi kini bila dikenang kembali, menjadikan diri ini bersyukur kerana situasi itulah yang memaksa saya belajar memperbaiki diri tanpa banyak gangguan.

Suatu ketika dahulu, saya pasrah apabila nama terpilih untuk kelas aliran perakaunan walaupun tidak berminat langsung untuk bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan sains atau sastera. Ketika itu, yang saya mahukan hanyalah bermain sukan.

Cukup sukar untuk memahami subjek perakaunan dan semua jargon debit-kredit, meskipun diri mahir dengan nombor. Akibatnya, saya gagal semua ujian perakaunan sepanjang tingkatan 4. Apabila memberitahu ibu bahawa saya sudah berputus asa dengan aliran perakaunan tetapi dia meminta supaya terus bertahan. Malah, saya juga gagal kertas perakaunan dalam

peperiksaan percubaan SPM.

Jika guru perakaunan tidak menarik saya ke tepi untuk berbincang dan memberikan nasihat, tidak tahu apa yang akan terjadi kepada saya pada hari ini.

Mulianya hati seorang pendidik kerana sanggup membantu kerana dia akui nampak potensi yang saya sendiri tidak sedar akan hal tersebut.

Kata-kata semangat daripada dia menyedarkan saya bahawa perlu ada kemahuan dan percaya diri yang kita boleh melakukannya. Selepas kejadian itu, saya berusaha sebaik mungkin dan membuat semua orang terkejut apabila mendapat A1 untuk subjek perakaunan! Satu kebanggaan bagi diri sendiri.

Mengimbas kembali zaman sebagai seorang pelajar, dia sudah lama menyedari wujudnya jurang besar antara pelajar universiti dan dunia pekerjaan.

Saya pernah mendengar perkongsian siswazah yang datang ke universiti dan bercerita tentang pengalaman kerja mereka dan saya rasa ia sangat membantu. Bagi saya, apabila sampai masanya dan berjaya dalam kerjaya, saya akan berkongsi pengalaman sendiri pula dengan pelajar. Sejujurnya semua orang yang berjaya mempunyai peranan untuk dimainkan, bagi mengisi jurang dan membantu pelajar mencari laluan tepat untuk diri mereka sendiri.

Dalam catatan ini, suka saya mencoretkan beberapa nasihat berharga untuk memberi keyakinan dan inspirasi kepada pelajar SPM berdasarkan pengalaman yang pernah ditempuhi sebelum ini sehingga berjaya pada hari ini.

Pertama, jika mahukan sesuatu, anda mesti berusaha mendapatkannya. Semuanya akan berubah apabila percaya pada diri sendiri dan berusaha sebaik mungkin. Disiplin diri dan kesungguhan amat membantu.

Tanpa disiplin, sukar untuk sesiapa sahaja mencapai apa yang diinginkan. Tanamkan dalam diri pentingnya untuk mencapai apa yang diidamkan. Lupakan seketika perkara-perkara remeh yang hanya mengganggu tumpuan untuk berjaya dan mencapai matlamat.

Kedua, ketahui apa yang anda ingin capai. Jika anda sedang belajar, tetapkan matlamat anda – contohnya untuk menghabiskan satu bab dalam satu jam. Pastikan anda fokus dan berada di landasan yang betul, ketepikan seketika telefon dan perkara-perkara lain yang boleh mengganggu tumpuan diri.

Ketiga, manfaatkan kaedah yang sesuai untuk anda. Ketahui gaya belajar adakah anda dapat belajar dengan lebih baik apabila bersendirian atau berkumpulan, pada waktu pagi atau lewat malam? Jika ada yang anda tidak faham, carilah seseorang yang dapat membantu, seperti pelajar yang pandai dalam subjek berkenaan. Jangan keluar kelas dengan tangan kosong tanpa belajar sesuatu.

Gunakan kesempatan yang ada untuk belajar daripada sesiapa sahaja yang berkebolehan dan arif tentang sesuatu subjek. Jangan sesekali sompong dan berlagak pandai. Perkara sebeginilah yang banyak merugikan dan paling disesali dikemudian hari. Ingat kata

pepatah, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna.

Keempat, jangan putus asa. Anda boleh mempunyai masa depan dalam bidang perakaunan walaupun keputusan untuk subjek perakaunan anda tidaklah begitu cemerlang. Ada banyak pilihan pembiayaan dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Pelbagai platform bantuan antaranya pinjaman dan biasiswa disediakan oleh pihak kerajaan dan sebagainya bagi membantu anda yang merupakan bakal pemimpin negara di masa hadapan. Teruskan melangkah ke hadapan kerana masih jauh perjalanan yang akan dilalui.

Apa yang penting berusahalah bersungguh-sungguh dan ingatlah bahawa kesilapan dan ketidakcemerlangan lalu bukan penamat dunia. Jika ada yang membetulkan kesilapan anda itu, bersyukurlah dan belajarlah supaya tidak mengulanginya – inilah sikap yang membezakan antara orang yang berjaya dengan tidak berjaya, dan orang akan melihat serta menghargai usaha itu.

Kelima, bijak merancang masa hadapan. Carilah kerjaya yang mempunyai masa hadapan yang luas supaya anda tidak melabur masa dan usaha dalam bidang pendidikan yang bakal luput. Perakaunan adalah salah satu daripadanya kerana setiap perniagaan memerlukan akauntan sekali gus belajar perakaunan mempersiapkan anda untuk pilihan kerjaya yang cukup luas.

Tidak kira apa juau yang anda

“Tanpa disiplin, sukar untuk sesiapa sahaja mencapai apa yang diinginkan. Tanamkan dalam diri pentingnya untuk mencapai apa yang diidamkan. Lupakan seketika perkara-perkara remeh yang hanya mengganggu tumpuan untuk berjaya dan mencapai matlamat.”

pilih, sama ada perakaunan, sukan atau kerjaya sebagai pempengaruh media sosial, pastikan anda menjadi akauntan, atlet dan pempengaruh media sosial yang bijak supaya boleh menguruskan kerjaya dan kehidupan sebaik-baiknya.

Bagi pelajar yang bakal menduduki SPM, anda masih belum terlewat untuk merencana perjalanan yang bakal ditempuhi pada masa hadapan. Pelbagai laluan terbentang luas di hadapan, jadilah pelajar yang bijak untuk membuat keputusan kerana langkah anda hari ini akan menentukan siapa anda pada masa akan datang.

Penulis: Megat Sollef yang merupakan Timbalan Pengurus Young Members Network ACCA,

Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2023

Penanda aras penganjuran sukan Muay Thai



SABRINA SABRE

KEJOHANAN Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2023 yang berlangsung di Gelanggang Mokhtar Dahari, Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya pada Sabtu lalu dilihat mampu menjadi penanda aras kepada penganjuran acara sukan Muay Thai berskala besar di negara ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, acara yang diadakan itu berjaya menarik penyertaan 100 orang petinju berusia dalam lingkungan lapan hingga 45 tahun dari seluruh negara yang bertanding dalam dua acara iaitu Muay Thai Sport dan Muay Thai Profesional.

"Penganjuran pertandingan dengan kerjasama Persatuan Muay Wilayah Persekutuan Putrajaya dan disokong oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) serta Persatuan Muaythai Malaysia ini dilihat mampu menjadi platform untuk membakar semangat anak-anak muda bagi menceburi bidang sukan berkenaan suatu hari nanti.

"Sukan Muay Thai mempunyai peminat yang ramai di negara ini dan kita yakin mampu menarik golongan muda untuk menyertai sekali gus dapat mencungkil bakat ramai lagi petinju tempatan yang berbakat," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dalam masa sama, Fadlun berkata Kejohanan Seni Mempertahankan Diri (Muay Thai) Piala Presiden PPj yang julung kali diadakan pada tahun 2022 menjadi pemangkin kepada penganjuran yang sama pada tahun ini.

"Muay Thai juga antara seni mempertahankan diri yang dipilih oleh Penguat Kuasa PPj sebagai salah satu rutin latihan kecergasan kerana ia memberikan kelebihan daripada sudut kecergasan dan kesihatan kepada anggota penguat kuasa.

"Muay Thai merupakan satu bentuk seni mempertahankan diri yang unik serta sesuai untuk semua golongan sama ada lelaki, wanita



AKSI para petinju ketika Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden PPj baru-baru ini.

mahupun kanak-kanak kerana ia boleh dijadikan sebagai hobi dan gaya hidup yang sihat," ujar beliau.

Terdahulu, perlawanan dimulakan dengan 80 orang petinju amatur di dalam acara Muay Thai Sport di mana juara menerima hadiah berupa medal serta sijil penyertaan manakala pada sebelah malam sebanyak 20 orang petinju Muay Thai Profesional bertarung bagi merebut gelaran juara.

Menariknya, beberapa acara selingan aliran seni bela diri turut dipertontonkan antaranya acara Demonstrasi Seni Bela Diri Silambam, Demonstrasi Seni Bela Diri Taekwondo (WTF), Demonstrasi SMD Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya dan Demonstrasi Seni Bela Diri Silat Parang.

Dalam kejohanan itu, johan telah disandang oleh Mohamad Shahrul Hakim Rosli diikuti Asuad Khalid bagi naib johan. Pemenang tempat pertama berjaya membawa pulang wang tunai dan tali pinggang gelaran manakala naib juara menerima piala dan wang tunai.

WK



FADLUN (tengah) menyampaikan hadiah kepada juara bagi kategori Tali Pinggang Piala Presiden PPj.



KOLAM renang Presint 16 kini berwajah ceria.

Kolam renang berwajah baharu

PASTI ramai yang teruja apabila pihak Perbadanan Putrajaya mengumumkan pembukaan semula kolam renang di Presint 16 yang kini berwajah baharu dengan pelbagai penambahbaikan telah dilakukan.

Lokasi yang dibuka semula baru-baru ini itu dijangka mendapat sambutan menggalakkan sekali gus akan membantu menjana ekonomi Putrajaya.

Dalam masa sama, orang ramai juga diingatkan untuk membawa pakaian renang seperti yang telah ditetapkan untuk mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku.

Untuk pengetahuan semua, kolam renang Presint 16 dibuka setiap hari kecuali Jumaat minggu kedua dan keempat serta cuaca hujan.

Waktu operasi kolam pula dibahagikan kepada beberapa

sesi iaitu sesi pertama: 9 hingga 11 pagi, sesi kedua: 1 hingga 3 petang, sesi ketiga: 5 petang hingga 7 malam dan sesi keempat: 8 hingga 10 malam.

Sementara itu, bayaran masuk bagi setiap sesi adalah RM2 untuk kolam dewasa manakala RM1 untuk kolam kanak-kanak.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh hubungi Kaunter Khidmat Pelanggan KKjP16 di talian **03-8887 7669**. WK

Bantu miskin tegar

KKDW salur RM3 juta ke Labuan

SEBANYAK lima pembangunan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan 25 projek baik pulih rumah golongan kurang berkemampuan bernilai RM3 juta di Labuan pada tahun 2023 telah diluluskan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Setiausaha Politik kepada Menteri KKDW, **Datuk Mohd Razlan Muhamad Rafi** berkata setiap rumah PPRT bernilai RM79,000 manakala setiap projek baik pulih rumah bernilai RM17,000 serta pembinaan jalan perhubungan desa dan peruntukan untuk amaniti sosial.

"Tahun ini ada tambahan lagi RM1 juta hasil limpahan bajet kerajaan pusat di bawah KKDW menjadikan jumlah semua RM2 juta, manakala amanat sosial sebanyak RM750,000 hingga RM1 juta.

"Ini tidak termasuk peruntukan PPRT dan baik pulih rumah yang kita anggarkan secara keseluruhan peruntukan yang diagihkan kepada Labuan lebih RM3 juta," katanya kepada pemberita pada lawatannya ke beberapa buah kampung baru-baru ini.

Tambahnya, peruntukan yang



MOHD RAZLAN berkesempatan memasang batu-bata ketika lawatan ke salah sebuah PPR di Labuan.

disalurkan tersebut merupakan usaha kerajaan untuk mengeluarkan rakyat daripada kepompong masalah miskin tegar selaras dengan

hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"KKDW sentiasa memberi perhatian dari segi pembangunan

Labuan khususnya projek kemudahan rakyat terutamanya yang melibatkan pembinaan rumah PPRT.



ANTARA petugas media yang turut serta pada Majlis Makan Malam Penghargaan Media Sabah dan Labuan di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Tourism Malaysia hargai media

BAGI mengekalkan hubungan baik yang terjalin dengan pelbagai agensi media di Sabah dan Labuan, Tourism Malaysia menganjurkan Majlis Penghargaan Media bagi menyantuni golongan itu di Tambunan Golf Club (TNGC) Beverly Hills, Bundusan Sabah, baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, seramai 100 petugas media daripada agensi media di Sabah dan Labuan dijemput sebagai tanda penghargaan daripada pihak Tourism Malaysia.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr Ammar Abd Ghapar** berkata penganjuran majlis itu bertujuan untuk menghargai kerjasama pihak

media yang sentiasa memberikan sokongan kepada pihaknya dalam mempromosikan program dan tempat pelancongan di Sabah dan Labuan.

"Ini adalah simbol penghargaan daripada pihak kami kepada semua agensi dan petugas media yang tidak putus-putus memberikan kerjasama yang begitu akrab dalam mempromosikan kemegahan dan keajaiban Sabah dan Labuan kepada dunia pada Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya semasa Majlis Makan Malam Bersama Media Sabah dan Labuan, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Komunikasi Tourism Malaysia,

Razali Omar dan Timbalan Pengarah Tourism Sabah, Trecey J Tojuka.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Penggiat Media Labuan, Jainuddin Djimin menzahirkan penghargaan kepada pihak Tourism Malaysia Sabah dan Labuan yang tidak melupakan peranan petugas media yang sering membantu mempromosikan pusat pelancongan di pulau itu.

"Terima kasih kerana menjemput kami ke majlis ini dan diharapkan hubungan serta kerjasama yang terjalin akan terus kekal bagi memajukan lagi sektor pelancongan di Sabah dan Labuan," katanya. WK

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

"Kita tahu bahawa Labuan amat memerlukan peruntukan yang besar dalam pembangunan projek-projek kemudahan rakyat, oleh itu perkara ini saya akan angkat kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri KKDW agar peruntukan lebih besar dapat diberi kepada Labuan pada tahun hadapan," katanya. WK

Pasukan karate rangkul 2 gangsa

PASUKAN karate Labuan berjaya meraih dua pingat gangsa pada Kejohanan Karate Peringkat Kebangsaan kali ke-31 yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Pingat pertama diperoleh menerusi atlet Nur Aneesa Aira Mohamad Affendi bagi kategori KATA Kadet Perempuan 14 hingga 15 tahun.

Pungutan mata yang tinggi oleh Aira berjaya menumpaskan pihak lawan dari Pahang pada perlawanan penentuan pingat gangsa sekali gus menempatkan Aira pada kedudukan ketiga teratas daripada 20 peserta bagi kategori tersebut.

Pingat gangsa kedua disumbangkan oleh Muhammad Isyraf Faiz Mohamad Ismifarizal melalui kategori KUMITE Kadet Lelaki 70 kilogram (kg) (14

hingga 15 tahun) menewaskan pesaing dari negeri Selangor pada pusingan penentuan pingat gangsa dengan mata 3-2.

Menurut Jurulatih Karate Labuan, Abdul Jamil, penyertaan kejohanan itu penting untuk pasukannya bagi mengukur kemampuan atlet yang bakal besaing pada SUKMA tahun hadapan.

"Melalui kejohanan ini kita boleh mengenal pasti kelemahan dan memperbaikinya pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi Wilayahku baru-baru ini.

Terdahulu, kejohanan tersebut mengumpul seramai 504 atlet dari seluruh negara dan telah mencatatkan penyertaan teramai sepanjang edisi yang diadakan.

WK



ATLET Labuan yang berjaya memenangi dua pingat gangsa pada Kejohanan Karate Kebangsaan di Kuala Lumpur.

Anugerah MIV, MEA 2023

22 sukarelawan ICT terbaik diiktiraf

SABRINA SABRE

SERAMAI 22 daripada 1,579 orang sukarelawan di seluruh negara telah dipilih sebagai penerima *Malaysia ICT Volunteer (MIV) Excellence Awards 2023* (MEA 2023) di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya baru-baru ini.

Pengerusi MCMC, **Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din** berkata sebanyak enam kategori anugerah telah dipertandingkan iaitu MIV Bersama Sekolah, Tim MIV Bersama Komuniti, Individu MIV Bersama Komuniti, MIV Bersama Institut Pengajian Tinggi dan Sukarelawan ICT Antarabangsa (IPT dan II), Kandungan MIV Terbaik serta Anugerah Khas MIV.

"Penerima anugerah dipilih berdasarkan kepada projek-projek yang dilaksanakan mereka sepanjang tahun 2022.

"Pihak MCMC berharap pemberian anugerah ini dapat memberikan suntikan semangat kepada para sukarelawan lain untuk tampil berkongsi idea, kemahiran, kepakaran, masa dan tenaga dalam melaksanakan projek-projek berimpak tinggi dalam komuniti," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah MEA 2023.

Menurut Mohamad Salim, usaha mereka (sukarelawan) dalam memupuk budaya yang positif, produktif dan penggunaan Internet berhemah di dalam komuniti serta membangunkan kompetensi untuk memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) adalah kritikal kepada agenda negara digital.

Dalam masa sama, beliau turut menyatakan rasa bangga kepada kesemua pemenang selain mengajak mereka untuk bersama-sama menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih baik pada masa hadapan.

"Sekalung tahniah atas dedikasi yang menakjubkan daripada anda semua kerana berjaya melaksanakan program ini. Saya mahu lebih ramai penyertaan sukarelawan dan MCMC di dalam bengkel atau apa sahaja program yang akan kita laksanakan pada masa hadapan."



AZHARUL FAIZ (kanan) menerima trofi dan sijil bagi dua kategori pada MEA 2023.

"MCMC akan melabur lagi dalam kesemua program ini bagi memastikan kami mencapai satu tahap perkhidmatan sukarela yang amat tinggi di luar sana, jadi ia akan memberikan khidmat dalam setiap aspek rakyat di bandar, separuh bandar dan luar bandar," katanya.

Sebagai rekod, MIV yang diperkenalkan sejak 2016 merupakan projek kelolaan MCMC dan sehingga kini telah melalih 10,247 sukarelawan daripada pelbagai latar belakang yang mampu memajukan dan menghasilkan aplikasi serta perkhidmatan ICT yang memberi manfaat dalam kehidupan seharian.

Antara khidmat lain yang diberikan oleh sukarelawan MIV adalah melaksanakan strategi pemasaran dalam talian bagi membantu pengusaha tempatan memasarkan produk, mendidik penggunaan ICT secara berhemah dan memupuk kesedaran masyarakat terhadap mesej advokasi MCMC.

Hadir sama pada majlis ini adalah rakan-rakan strategik MIV yang terdiri daripada wakil Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Institut

Pengajian Tinggi dan penyedia perkhidmatan.

Pada majlis tersebut, guru ICT dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bagan Serai, Perak, **Azharul Faiz Zainal Abidin**, 42, muncul sebagai Sukarelawan Terbaik Keseluruhan MEA 2023 apabila menerima *Excellence Award* bagi kategori Sukarelawan ICT Malaysia (MIV) Bersama Sekolah dan *Superstar Award* bagi kategori Anugerah Khas MIV.

"Alhamdulillah saya bersyukur atas anugerah yang diberikan. Terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan program ini. Saya memilih untuk melaksanakan projek tentang keselamatan siber dan Program Celik ICT ini memandangkan itu melibatkan penipuan dan berita palsu di Internet semakin berleluasa.

"Jenis program yang dianjurkan adalah sebaran maklumat mengenai keselamatan siber dan aktiviti klik dengan bijak yang mana projek telah dijalankan dari Mac hingga Oktober tahun lalu dengan kerjasama Kelab Pencegahan Jenayah sekolah dan seluruh warga pendidik.

"Sebelum ini, saya turut melaksanakan pelbagai aktiviti

inovasi melibatkan konsep ICT antaranya 'Jom Sifir' iaitu aplikasi yang membolehkan pengguna membuat latihan sifir menerusi telefon pintar," ujarnya ketika ditemui pemberita selepas Majlis MEA 2023 baru-baru ini.

AWAS JERAT SCAMMER, PENGGODAM

DALAM pada itu, Penolong Kanan Kokurikulum SK Bagan Serai itu berkata secara umumnya keselamatan siber di Malaysia pada masa ini berada pada tahap yang serius dan membimbangkan serta boleh menjadi kritikal jika tiada pemantauan serta tindakan kesiapsiagaan.

"Ia berpotensi menjadi lebih serius dan kritikal jika tiada langkah diambil secara berterusan oleh pihak kerajaan dan organisasi swasta untuk mempertingkatkan benteng pertahanan siber serta memberi kesedaran kepada pengguna mengenai pentingnya amalan terbaik dalam penggunaan teknologi dan Internet.

"Semua pihak perlu berganding bahu dan menuaikan tanggungjawab untuk melaksanakan

Outstanding Award (kategori MIV Bersama Sekolah)
● Tan Ke Sin

Impressive Award (kategori MIV Bersama Sekolah)
● Jessica James Sikain

Excellence Award (kategori Tim MIV Bersama Komuniti)
● Pusat Ekonomi Digital (PEDi) FELDA Soeharto

Outstanding Award (kategori Tim MIV Bersama Komuniti)
● PEDi Kg Makmur, Perak

Impressive Award (kategori Tim MIV Bersama Komuniti)
● PEDi Semambu, Pahang

Excellence Award (kategori Individu MIV Bersama Komuniti)
● Sahpiyah Adam

Excellence Award (kategori MIV Bersama IPT dan II)
- Universiti Antarabangsa Albu Khary (AIU)
● Tasawar Ali
● Jamal Hossan
● Md Shakil Hossan
● Md Nurullah

Excellence Award (kategori Kandungan MIV Terbaik)
- PEDi Sg Haji Doraini, Selangor
● Siti Nazirah Mohd Idris
● Nurul Hamizah Samsuri
● Nursyuhada Nasruddin

Kesemua penerima anugerah menerima hadiah berupa wang tunai, trofi serta sijil kecemerlangan.

pelbagai program bagi meningkatkan tahap keselamatan siber dan memupuk kesedaran masyarakat mengenai ancaman siber," ujar pendidik yang sudah berkhidmat selama 18 tahun itu.

WK



IMBAS
KOD QR
UNTUK
MENONTON
VIDEO



MOHAMAD SALIM (tengah) bersama 22 sukarelawan ICT terbaik ketika Majlis Anugerah MEA 2023 yang berlangsung di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya pada Rabu.



EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Faizal Ramli melihat salah satu produk yang dihasilkan.



HELMI mampu meraih pendapatan jualan melebihi RM12,000 sebulan untuk produk laser engraving.

Lahir 160 usahawan aktif

Transformasi perniagaan PEDi Kampung Si Rusa

HAZIRAH HALIM

U SAHA Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mewujudkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di kawasan bandar dan luar bandar jelas membuktikan banyak peluang tersedia kepada komuniti setempat dalam merapatkan jurang literasi digital sekali gus melahir dan memperkasakan usahawan kecil ke arah pendigitalan yang inovatif dan berdaya saing.

Menerusi PEDi, komuniti boleh mendapatkan pelbagai program dan latihan yang menumpukan kepada pemerkasaan ekonomi digital meliputi aspek literasi digital, keusahawanan serta advokasi iaitu latihan dan bimbingan kepada pelajar sekolah.

Ia juga dapat dibuktikan menerusi kejayaan sesebuah PEDi dalam melahirkan usahawan komuniti yang mampu menjana pendapatan melebihi sasaran awal perniagaan. Antara PEDi luar bandar yang telah berjaya memperkasakan ekonomi digital dalam aspek keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat adalah di PEDi Kampung Si Rusa yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pengurus PEDi Kampung Si Rusa, **Noraishah Ismail** berkata jumlah 1,515 usahawan aktif PEDi di Negeri Sembilan, pusat perkhidmatan ini berjaya melahirkan seramai 160 usahawan aktif berdasarkan rekod data dari tahun 2020 hingga 30 Jun tahun ini.

"Usahawan berkenaan diangkat menjadi ikon usahawan PEDi Kampung Si Rusa di mana mereka berjaya meningkatkan hasil jualan daripada RM4,000 kepada lebih RM12,000 sebulan."

"Fokus utama kita adalah untuk memperkasa dan melatih



NORAISHAH

masyarakat celik digital, membuka peluang pekerjaan, membantu komuniti meningkatkan pendapatan jualan mereka melalui platform e-dagang dalam talian serta menyediakan kesalinghubungan dan penyokong ekonomi digital kepada komuniti setempat.

"Alhamdulillah, sejak beroperasi pada 22 April 2017, penerimaan komuniti di sini amat memberangsangkan terutama daripada aspek perkhidmatan dan ketersediaan kemudahan ICT yang membolehkan mereka berlatih dan meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan.

"Antara program yang dilaksanakan adalah latihan e-commerce khusus untuk usahawan dan didedahkan kaedah pemasaran di platform-platform media sosial seperti Lazada, TikTok, Instagram, Shopee, Facebook Ads, Facebook Live dan sebagainya.

"Di samping itu, kita juga turut memberi ruang kepada para usahawan untuk mempelajari teknik penyuntingan video yang berkesan dengan menggunakan aplikasi Canva di mana teknik ini membolehkan peserta mencipta video menarik untuk meningkatkan view dalam YouTube channel," katanya yang ditemui Wilayahku pada Program Lawatan EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan MCMC Negeri Sembilan di PEDi Kampung Si Rusa baru-baru ini.

Selain komuniti di Kampung Si Rusa yang mempunyai jumlah seramai 470 orang, Noraishah berkata mereka juga turut menerima kunjungan orang luar yang menggunakan perkhidmatan di sini.

Tambahnya, selain memfokuskan kepada pembangunan keusahawanan dalam komuniti, PEDi Kampung Si Rusa juga pernah mengadakan pelbagai program ICT antaranya kursus kemahiran jangka

pendek photo phone, bengkel pengenalan kepada asas komputer dan Microsoft Word, Program Advokasi Klik Dengan Bijak dengan warga emas, tabika KEMAS dan MARA serta pelbagai lagi.

"Peranan PEDi cukup penting kepada masyarakat iaitu sebagai penggerak agen transformasi daripada perkhidmatan pasaran secara tradisional ke arah pendigitalan yang berinovatif.

"Justeru itu, saya berharap kepada seluruh komuniti untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan termasuklah para usahawan mendapatkan pelbagai latihan dan bimbingan melibatkan keusahawanan secara digital," jelasnya.

Terdahulu, dalam Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebanyak RM25 juta diperuntukkan bagi memperkasa peranan PEDi untuk membantu masyarakat setempat dan sebagai rekod, sehingga Jun lalu, sebanyak 27,963 usahawan aktif PEDi direkodkan di seluruh negara.



MOHAMAD

PENDAPATAN LEBIH RM12,000

PUSAT Ekonomi Digital (PEDi) merupakan platform kepada usahawan komuniti untuk mempelopori dunia perniagaan secara digital menerusi aplikasi-aplikasi sosial media yang kini menjadi pendorong utama golongan terabit untuk menjana pendapatan.

Salah seorang usahawan, **Mohamad Helmi Hasim**, 28, berkata melalui latihan keusahawanan yang disediakan PEDi, dia berjaya membuat jualan produk kraf tangan (*Laser Engraving*) melebihi RM12,000 sebulan.

"Saya meniaga produk kraf ini sudah melebihi 10 tahun ketika masih di peringkat sekolah lagi. Sebelum menyertai PEDi, jualan saya dalam RM2,000 sahaja tetapi kini Alhamdulillah mampu mencecah sehingga RM12,000 sebulan."

"Kelebihan yang ditawarkan di PEDi tidak hanya pembelajaran dan penggunaan Internet secara percuma malah banyak yang saya dapat pelajari di sini terutama dari aspek strategi pemasaran dalam

TikTok Shop dan kelas editing kemahiran Adobe Photoshop.

"Dengan ilmu tersebut, saya cuba pasarkan produk ini di platform Shopee, TikTok dan WhatsApp dan ternyata kebanyakan order memang daripada platform tersebut. Terima kasih diucapkan kerana banyak membantu saya," katanya yang menghadiri Program Pupuk @ Shopee secara online.

Turut berpandangan sama, usahawan Popcorn Caramel Homemade, **Muhammad Mat Shary**, 33, berkata selama lebih enam bulan menghadiri latihan keusahawanan di PEDi, dia mampu membuka akaun Shopee dan Facebook perniagaan sendiri untuk memasarkan produk jualannya.

"Latihan yang diberi adalah daripada segi marketing, maklumat label dan teknik jualan pemasaran termasuklah cara untuk mempelbagaikan rekaan bungkus produk popcorn ini."

"Sebelum ini, saya buat design guna plastik biasa sahaja tetapi sejak menghadiri kelas e-usahawanan di PEDi ini, dia bagi idea untuk saya hasilkan design dan pasarkan produk dengan lebih meluas," katanya yang kini memperoleh pendapatan melebihi RM1,500 sebulan. **WK**



FAIZAL (tengah) ketika Program Lawatan EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, UPEN dan MCMC Negeri Sembilan baru-baru ini.



FAIZAL (tengah) bersama wakil Edotco, CelcomDigi dan MCMC ketika lawatan rasmi di Tapak JENDELA Fasa 1 di Kampung Ayer Hitam, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Program Jalinan Digital Negara

2,000 pengguna Kg Ayer Hitam terima manfaat

DIANA AMIR

KIRA-KIRA 2,000 penduduk di kawasan Kampung Ayer Hitam, Negeri Sembilan menerima liputan Internet di bawah Program Jalinan Digital Negara (JENDELA). Exco Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital Negeri Sembilan, **Datuk Faizal Ramli** berkata JENDELA merupakan inisiatif kerajaan dalam menyalurkan penggunaan Internet kepada seluruh rakyat Malaysia di kawasan luar bandar termasuk perkampungan Orang Asli.

"Di Negeri Sembilan kita mensasarkan 27 menara baharu di mana sehingga kini sebanyak lima menara telah pun siap dan beroperasi.

"Salah satunya adalah di Kampung Ayer Hitam ini yang mula beroperasi pada 2 November lalu dengan kerjasama Edotco Group Sdn Bhd.

"Di sini, kita mampu mencapai empat rangkaian iaitu CelcomDigi, Maxis dan U-Mobile di mana radius liputan adalah sejauh dua kilometer, katanya kepada *Wilayahku* selepas lawatan Tapak JENDELA Fasa 1 di Kampung Ayer Hitam, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Berkongsi kejayaan JENDELA di Negeri Sembilan itu, Faizal berkata sehingga kini ia sudah mencapai 98 peratus (%) bagi liputan 4G dan kini dalam proses untuk menaik taraf rangkaian berkenaan ke liputan 5G.

"Sehingga kini liputan telah dibuat seluas lebih 70% di seluruh Negeri Sembilan merangkumi kawasan di luar bandar serta berpenduduk tinggi termasuk



PENCAWANG yang telah mula beroperasi pada November 2023.

beberapa perkampungan Orang Asli yang terdapat di negeri ini.

"Untuk perkampungan Orang Asli, kita dah pasang di Mamps dan Langkap. Dengan pemasangan tersebut, ia menunjukkan kesungguhan kerajaan dan MCMC dalam menjayakan inisiatif ini sekali gus bukan penduduk di bandar sahaja yang diberikan tumpuan malah di pedalaman juga," ujarnya.

Melihat kepada keberkesanan pemasangan JENDELA terhadap komuniti khususnya, Faizal berkata inisiatif tersebut akan ditambah baik pada masa akan datang.

"Dalam tempoh sehingga tahun 2025, kita akan pastikan keseluruhan kawasan-kawasan luar bandar terutamanya akan mendapat akses Internet secara lebih meluas.

"Kita juga mengambil berat terhadap setiap aduan yang

disampaikan sama ada daripada penduduk setempat, orang awam mahupun Ahli Dewan Undangan (ADUN) di kawasan tersebut. Selepas aduan diterima, beberapa petugas akan ke lokasi berkenaan bagi melakukan pemantauan," katanya.

PENTINGNYA INTERNET

DALAM pada itu, Faizal berkata dunia pemodenan masa kini sememangnya bergantung kepada penggunaan Internet kerana ia meliputi setiap aspek kehidupan baik yang bekerja mahupun pelajar.

"Kita dapat lihat betapa pentingnya liputan Internet terutama semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini, semua orang memerlukan capaian yang bagus untuk melakukan kerja, mengadakan



PEMERIKSAAN liputan Internet turut dilakukan.

mesyuarat secara dalam talian, perniagaan dan banyak lagi termasuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

"Kebiasaannya mereka yang sering ketinggalan adalah penduduk di luar bandar serta anak Orang Asli sekali gus ia sedikit sebanyak akan menjelaskan pelajar sedangkan mereka inilah yang merupakan bakal pemimpin generasi akan datang.

"Boleh dikatakan penggunaan Internet amat penting, pihak kementerian atau sekolah juga telah mula menggunakan Internet dalam proses sesi pembelajaran kepada anak-anak," katanya.

Dalam pada itu, Faizal turut berterima kasih kepada pihak MCMC khususnya serta kerajaan negeri dan juga pihak kontraktor, Edotco yang turut memainkan peranan bersama dalam memastikan hasrat kerajaan

tercapai.

"Kita juga perlu mendapatkan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dalam proses membina menara antaranya dari segi kelulusan, pemilihan tapak dan sebagainya.

"Kerjasama daripada masyarakat setempat juga penting kerana apabila siap kesemua menara di kawasan mereka, diharapkan tidak berlaku vandalisme atau kecurian," ujarnya yang mengharapkan setiap individu untuk bersama-sama menjaga aset yang dibina kerajaan untuk kemudahan orang ramai.

Terdahulu, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan MCMC Negeri Sembilan turut mengadakan Program Lawatan di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Kampung Si Rusa baru-baru ini. **Wk**

Program Teach The Needs 6.0

Bantu pelajar SPM skor subjek teras

HAZIRAH HALIM

PENUBUHAN Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) di bawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bukan sahaja mampu menangani gejala sosial bahkan memudahkan komuniti melaksanakan aktiviti bermanfaat.

Terbaru, 30 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menggunakan lokasi PREPKOM di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang menganjurkan Program Semarak Siswa Madani: Teach The Needs 6.0 bersama 33 pelajar sekolah menengah.

Pengarah Projek, Nurul Ain Nabila Mohamad Sallih, 20, berkata pelajar tingkatan tiga hingga tingkatan lima yang terdiri daripada



NURUL AIN



PARA pelajar bergambar selepas program yang berlangsung di PPR Hiliran Ampang.

keluarga berpendapatan rendah (B40) diberi latihan pembelajaran secara percuma bagi subjek sains dan matematik.

"Dua subjek ini merupakan mata pelajaran teras yang perlu dikuasai oleh pelajar, jadi kami mengambil

langkah membantu menyediakan beberapa modul latihan asas bersama topik-topik skor dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Ia sebagai persediaan sebelum menduduki peperiksaan SPM di samping meningkatkan komunikasi

antara pelajar UPM sendiri dengan komuniti yang berbeza peringkat umur," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Nurul Ain, hasil daripada sesi perkongsian ilmu dan latihan mendapat tahap penguasaan para pelajar bagus

namun ia perlu ditingkatkan pada masa hadapan.

"Objektif kami terbahagi kepada dua iaitu ingin membina modul tambahan dan mahu meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap sesuatu subjek tersebut."

"Bagi pelajar universiti atau sukarelawan terlibat, program ini dapat membantu mengembangkan kemahiran komunikasi dan meningkatkan rasa kesukarelawanan di dalam diri seseorang individu."

"Ia juga memberi idea kepada kami selaku para sukarelawan UPM untuk membina sebuah modul mengikut tahap kemampuan dan penguasaan pelajar terhadap sesuatu subjek."

"Modul ini dibuat berdasarkan survey yang kami laksanakan pada dua minggu sebelum penganjuran program yang turut melibatkan kerjasama PREPKOM," katanya program ini juga turut disertai oleh para pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM).

Terdahulu, Program Teach The Needs 6.0 anjuran Majlis Perwakilan Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee di bawah Sekretariat Kesukarelawanan dan Mobiliti dengan kerjasama YWP dan PREPKOM. WK

Tingkat piawai keselamatan geometri

KOMITMEN berterusan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam meningkatkan aspek keselamatan jalan raya di seluruh negara adalah antara aspek utama yang harus difokuskan bagi meningkatkan standard keselamatan jalan raya khususnya di kawasan bandar.

Justeru itu, Bike Commute Malaysia (BCMY) menganjurkan Bengkel Keselamatan Jalan Raya Melalui Reka Bentuk Geometri bagi mendapatkan pandangan daripada pakar-pakar terutama dalam bidang geometri jalan raya di samping mewujudkan persekitaran dalam meningkatkan infrastruktur jalan untuk keadaan yang lebih selamat.

Bertempat di Hotel InterContinental Kuala Lumpur, bengkel itu disertai oleh wakil-wakil dari badan kerajaan yang menyumbang termasuk Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengasasnya, Justin Lee berkata pada bengkel tersebut, pihaknya membentangkan strategi inovatif untuk mempromosikan jalan yang lebih selamat serta turut membincangkan dan memberi cadangan mengenai peningkatan keselamatan jalan raya melalui penyelesaian reka bentuk geometri yang inovatif.

"Memandangkan nahas jalan raya terus menjadi punca kematian yang ketara di Malaysia, strategi sedia ada tertumpu kepada meningkatkan keselamatan jalan raya untuk kenderaan. Pada masa yang sama,



BARISAN pegawai penguat kuasa yang mengambil bahagian dalam latihan GRSP di Hotel InterContinental Kuala Lumpur, baru-baru ini.

soal 'first and last mile connectivity' juga mendapat perhatian di Malaysia terutama tentang keimbangan keselemanan menghalang orang ramai dari berjalan kaki.

"Di samping meningkatkan keselamatan jalan raya untuk kenderaan, langkah-langkah ini juga fokus dalam mewujudkan jalan yang lebih selamat dan mudah untuk pengguna jalan termasuk pejalan kaki, penunggang basikal dan Orang Kurang Upaya (OKU)," jelasnya.

Menurut Justin, semasa bengkel tersebut juga, KKR dan Bahagian Kejuruteraan Forensik JKR turut memberi pandangan tentang garis panduan teknikal jalan raya dan sesi jalan-jalan di sekitar kawasan MRT dan LRT Ampang Park.

"Ahli-ahli KKR dan JKR juga turut menggabungkan pandangan daripada

pengalaman pelaksanaan praktikal DBKL dan intervensi keselamatan jalan raya secara menyeluruh.

"Penerokaan ini merangkumi peralihan lintasan pejalan kaki kepada lintasan yang ditinggikan (*raised crosswalks*), pengiktirafan keperluan untuk pulau perlindungan (*refuge islands*), dan penilaian kelebihan lintasan pada tahap tanah berbanding jejabat pejalan kaki dan bergantung kepada jumlah trafik.

"Penekanan khusus ini diberikan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan di kawasan padat dengan aktiviti pejalan kaki yang ketara, seperti zon komersial dan pejabat," katanya yang berharap kerjasama berterusan bersama pelbagai pihak dapat diteruskan untuk mewujudkan jalan raya yang lebih selamat untuk pengguna. WK

Peserta Program Pasport 50WP teruja misi selesai

PESERTA Program Pasport 50WP teruja apabila berjaya melaksanakan misi meneroka keunikan dan keistimewaan di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan jayanya.

Salah seorang peserta, Hidayat Masduki, 37, berkata dia bersyukur kerana dapat menyelesaikan tugas di setiap *checkpoint* yang ditentukan di ketiga-tiga wilayah tersebut.

"Saya mengambil masa selama satu minggu untuk melengkapkan misi di Kuala Lumpur manakala di Putrajaya pula hanya memakan masa satu hari. Walau bagaimanapun salah satu *checkpoint* di Putrajaya agak mencabar kerana perlu mendaki bukit.

"Lokasi yang paling menyeronokkan adalah di Labuan kerana ia merupakan kali pertama saya menjelaskan kaki di sana bersama rakan-rakan. Kami menghabiskan masa selama tiga hari dua malam.

"Ternyata



Labuan mempunyai pelbagai destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati," ujarnya kepada Wilayahku.

Kongsinya bagi menambah lagi keseronokkan dalam melengkapkan misi tersebut, dia membuat satu *trademark* dengan memakai topi oren untuk bergambar di setiap lokasi *checkpoint*.

Terdahulu, Program Pasport 50WP yang bermula 1 Oktober sehingga 25 Februari 2024 merupakan inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Orang ramai khususnya seluruh warga Wilayah Persekutuan dipelawa untuk menyertainya. WK



AKSI Mulhim Muqri ketika Malaysia Premier Futsal League baru-baru ini.

Mahu pikat kelab antarabangsa

Muqri tekad terus ledak gol

SABRINA SABRE

GENAP 14 tahun berkecimpung dalam dunia futsal, atlet, **Mulhim Muqri Faisal**, 25, tekad untuk menjaringkan lebih banyak gol di pentas Malaysia Premier Futsal League (MPFL) supaya namanya terus mendapat perhatian pengendali skuad kebangsaan, Rakphol Sainetngam.

"Selepas ini, lebih banyak lagi kejohanan yang saya akan serta sekali gus dapat mengukur pencapaian diri dalam sukan sekali gus menjadi medan untuk memperbaiki prestasi.

"Selain itu, saya juga berharap skuad berpeluang ke luar negara untuk kejohanan yang lebih besar. Melalui itu juga, kami dapat mencari pengalaman bermain serta melihat strategi atlet luar mereka," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dalam masa sama, atlet yang mula bergiat aktif ketika berumur 11 tahun ini berkata dia banyak berbincang mengenai konsep taktikal dan teknikal bersama rakan sepasukan sebelum berdepan dengan pihak lawan.

"Biasanya kami akan

menghabiskan masa dengan sesi perbincangan selain menjalani latihan dengan lebih konsisten menjelang perlawanan," ujarnya yang mengakui semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan rakan sepasukan amatlah penting.

Berkongsi tentang cabaran yang dihadapi dalam sukan futsal, pelajar Diploma Pengurusan Peruncitan Politeknik Metro Kuala Lumpur ini berkata persaingan dengan pemain-pemain yang hebat dan berpengalaman menjadi cabaran utama buat dirinya.

"Bukan itu sahaja, jika dilihat hari ini, ramai pemain muda menunjukkan prestasi bagus dari hari ke hari. Sungguhpun begitu, secara tidak langsung ia mengingatkan saya untuk tidak cepat berasa selesa pada kedudukan sekarang.

"Walau apa pun setakat ini, masa hadapan dunia futsal cerah dan sudah semestinya saya akan memberikan yang terbaik untuk kekal relevan. Saya turut mengimpikan peluang untuk beraksi bersama kelab futsal luar negara suatu hari nanti," ujarnya yang menjadikan pemain kelab Portugis, Ricardinho sebagai

Pencapaian Mulhim Muqri

2023 – Sukan Badan Berkunun – Tempat kedua

2022 – Malaysia Futsal Cup – Tempat ketiga

2018 – Sukan Malaysia (SUKMA) – Emas

idola kerana kekuatan pemain antarabangsa tersebut yang lincuh dan mempunyai tendangan padu.

Atlet kelahiran Selayang, Selangor ini berkata dia bersyukur kerana keluarga tidak pernah menghalang malah sentiasa memberi semangat kepada dirinya.

"Alhamdulillah, jiwa saya memang sejak kecil lagi meminati sukan ini dan dapat merasakan masa hadapan yang cerah untuk terus berada dalam sukan futsal," ujar anak ketiga daripada lapan orang adik-beradik ini. **WK**

Kem badminton para kutip tiga emas di Dubai

KEM badminton para negara menutup tirai tahun 2023 dengan membawa pulang tiga pingat emas yang diraih pada Kejohanan Para Antarabangsa Fazza Dubai di Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang berakhir pada Ahad.

Dua daripada tiga emas Malaysia disumbangkan Muhammad Fareez Anuar dalam acara perseorangan lelaki SU5 selepas menewaskan rakan senegara Cheah Liek Hou 21-19, 21-19 di final, sebelum mereka bergandingan untuk merangkul emas beregu lelaki SU5.

Muhammad Fareez-Liek Hou merangkul emas beregu lelaki SU5 selepas menumpaskan pasangan Taiwan Fang Jeng Yu-Gui Yu Pu 21-1, 21-10.

Melengkapkan pencapaian tiga emas di Dubai adalah Mohd Amin Burhanuddin yang mengungguli acara perseorangan lelaki SL4 setelah menundukkan Suhas Lalinakere dari India, 21-13, 21-16.

Sementara itu, Liek Hou berkata

kini masa untuk dirinya berehat sebelum kembali berlatih dalam persediaan menempuh cabaran musim baharu terutamanya Kejohanan Dunia Badminton Para di Pattaya, Thailand pada bulan Februari tahun depan.

"Terima kasih 2023 dan saya berharap tahun 2024 akan memberikan saya kekuatan dan kesihatan. Mohon doakan yang terbaik bagi saya untuk tahun depan," kata pemenang emas Sukan Paralimpik Tokyo 2020 dalam hantaran di Facebook miliknya.

Kejayaan Malaysia membawa pulang tiga emas di Dubai itu berjaya mengatasi pencapaian masing-masing dua emas, perak dan gangsa pada edisi lalu.

Kejohanan Badminton Para Antarabangsa Fazza Dubai merupakan kejohanan terakhir bagi mengumpul mata kelayakan ke temasya Sukan Paralimpik Paris 2024 bagi tahun ini. **WK**

SJ Virtuosos FC muncul juara

PASUKAN SJ Virtuosos FC muncul juara Liga Bola Sepak M5 Putrajaya 2023 selepas berjaya membenam pihak lawan, Sungai Merab FC 2-1 di pentas akhir yang berlangsung di Stadium Pancarona baru-baru ini.

Kejayaan itu membolehkan SJ Virtuosos FC membawa pulang hadiah utama berupa wang tunai sebanyak RM8,000 berserta piala iringan dan medal manakala Sungai Merab FC membawa pulang RM5,000 berserta medal.

Dalam aksi final itu, SJ Virtuosos FC berjaya menjaringkan gol pendahuluan pada minit ke-25 menerusi Muhamad Asmawi Yakin sebelum Muhamad Adnan Awal Hisham menggandakan keduduan menjadi 2-0 pada minit ke-47.

Gol sagu hati Sungai Merab FC dijaringkan Muhammad Nur Ujud. **WK**



PASUKAN SJ Virtuosos FC muncul juara Liga Bola Sepak M5 Putrajaya 2023.

Lebar sayap ke Indonesia

DARI MUKA 24

IMPIAN Mira Filzah untuk mengembangkan bakat lakonan di Indonesia tercapai apabila membintangi filem terbaru arahan Hanung Bramantyo berjudul Cinta Tak Pernah Tepat Waktu.

Apa yang membuatkan peminat cukup teruja apabila Mira digandingkan bersama pelakon, Refal Hady.

"Sejujurnya, saya berasa sangat teruja, terharu dan bersyukur dapat terbabit di dalam filem ini kerana sememangnya sudah menjadi impian saya sejak dahulu lagi untuk melebarkan sayap ke Indonesia.

"Jadi, apabila dipilih untuk terbabit di dalam filem ini dan bekerjasama dengan sutradara tersohor Indonesia, Hanung Bramantyo, satu kebanggaan buat saya. Bukan itu sahaja, berlakon dengan pelakon hebat Refal Hady adalah satu pengalaman menarik. Refal seorang yang *warm, easy going*, senang bekerjasama dan sangat tenang orangnya," katanya.

Filem Cinta Tak Pernah Tepat Waktu adalah adaptasi novel terlaris karya Phutut EA turut dibintangi oleh pelakon Refal Hady, Nadya Arina dan Carissa Perusset.

"Cinta Tak Pernah Tepat Waktu ini adalah cerita relaks dan *easy to watch*. Semua orang pun boleh tengok. Tak ada stres sangat dalam filem ni. Saya bawa watak sebagai Dr Sarah yang merupakan warga Malaysia yang bekerja di Jogjakarta, Indonesia kerana mahu menjalankan satu penyelidikan.

"Di sana, dia bertemu dengan ibu Daku (lakonan Refal Hady) dan mereka mula rapat. Dalam membawa watak Sarah, pengarah memang nak saya bercakap dalam bahasa Melayu kita. Namun ada sedikit bahasa Indonesia.

"Sebenarnya ini sedikit sebanyak memudahkan saya kerana tak perlu bercakap bahasa Indonesia sepenuhnya," tambahnya lagi. **WK**



'Beri peluang, asah bakat pempengaruh digital' – Afdlin

PENERUSI Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) dan sutradara terkenal, **Datuk Afdlin Shauki** berharap pempengaruh digital dapat menjadi ahli pertubuhan FDAM. Ia bertujuan membuka peluang dan mengasah bakat mereka sekali gus menimba ilmu bersama FDAM dan ahli senior yang berpengalaman.

"Semua sedia maklum, video pendek yang dilihamkan mereka ternyata unik dan mendapat pengaruh serta tontonan yang tinggi dalam media sosial. Penyertaan dalam FDAM akan memantapkan lagi bakat dan potensi tersebut.

"Dulunya kita hanya buat untuk pembikin filem, kemudian filem pendek. Sekarang kita memperluaskan skop itu dengan melibatkan juga pengarah konten media sosial.

"Mungkin kita boleh bawa menyertai kursus-kursus latihan serta mengasah dan memperhalusi lagi bakat serta kemahiran yang ada untuk mendekati golongan ini kerana ketika ini dunia kandungan dikuasai mereka.

"Kita jangan sompong dan duduk dalam kepompong kita, sebaliknya mesti terbuka menerima kehadiran pembikin filem bebas tidak kira usia, bangsa maupun agama," ujar beliau semua pihak harus sentiasa menyokong mereka agar dapat memperkasakan semula filem-filem Malaysia.

Afdlin juga dalam masa yang sama sedang berusaha untuk menjenamakan semula FDAM

agar dapat menjadi tonggak utama untuk pengarah di Malaysia.

"Kita akan rebrand atau penjenamaan semula mengenai FDAM dan fungsinya. Ini termasuklah fungsi-fungsi tamabahan yang ada.

"Bukan itu sahaja, kita juga akan

berbincang dengan pihak kementerian tentang peranan yang boleh dimainkan oleh FDAM bersama mereka," katanya kepada *Wilayahku*.

Beliau juga menjelaskan isu mengenai FDAM dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) telah pun selesai dan FDAM boleh kembali aktif.

"Isu berkaitan ROS tu sudah pun selesai pada September lalu. Tidak dinafikan, disebabkan perkara itu, imej FDAM ada sedikit tercalar.

"Jadi perkara-perkara sebegini kita akan perbaiki untuk kebaikan ahli-ahli kita dalam usaha untuk kembalikan FDAM sebagai

satu badan yang dihormati dalam Malaysia," ujarnya.

Terdahulu, Afdlin dipilih sebagai Pengurus FDAM yang baru bagi penggal 2024 hingga 2025. Pemilihan beliau berdasarkan undian majoriti ahli yang hadir pada Mesyuarat

Agung Dwitahuna FDAM ke-25 di Pawagam Mini P Ramlee, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Hulu Kelang, baru-baru ini. **WK**



Usah terlalu ghairah cipta kontroversi

PELAKON yang semakin aktif dalam dunia perniagaan **Fendy Bakry** menganggap gimik atau kontroversi seseorang artis itu hanya membantu menaikkan populariti untuk sementara waktu.

Biarpun kontroversi membuatkan mereka lebih popular dan dikenali, namun bagi Fendy atau nama sebenarnya Mohd Affandi Nor Bakri, peminat sekarang lebih bijak menilai.

"Bagi saya kontroversi atau gimik untuk terus dikenali adalah satu perkara yang tidak ditutut dalam industri. Apa yang perlu, adab itu lebih utama. Kemudian disusuli dengan ilmu. Kriteria sebeginilah yang akan memandu anak seni untuk maju lebih jauh dalam industri."

"Gimik atau kontroversi ni sekejap sahaja, kemudian hilang dari radar. Maka bermula episod di mana mencipta kontroversi menjadi tabiat untuk terus meraih perhatian dan populariti."

"Jadi macam-macamlah yang dibuat untuk raih perhatian. Kalau terlalu ghairah, bimbang bakat yang ada tidak digilap kerana asyik nak cari kontroversi," katanya.

Menurut Fendy lagi, ramai artis yang kekal relevan atau malar hijau disebabkan perkara yang baik-baik.

"Apabila seseorang artis membawa satu pengaruh yang baik, ia akan kekal lebih lama dan sentiasa relevan. Tengok saja Zamarul Hisham dan Alif Satar."

"Selain berbakat, mereka sentiasa menjadi contoh dan ikutan masyarakat untuk melakukan kebaikan. Ini bermakna, artis juga menjadi sumber inspirasi sehingga kekal mekar dalam ingatan meskipun ramai pendatang baharu," ujarnya.

Dalam pada itu, Fendy manafikan dakwaan mengatakan dia merajuk dengan dunia lakonan sehingga -lebih selesa menjalankan perniagaan.

"Tak pernah pula saya nak merajuk, malah saya bersyukur kerana dunia lakonanlah saya dikenali sehingga ke hari ini. Saya tidak lupa itu cuma, saya perlu merancang masa depan. Dalam berlakon tu, saya usahakan perniagaan yang bermula dari kecil."

"Bisnes saya ini bukanlah besar sangat pun. Biasalah kita masih baru belajar. Jadi banyak lagi yang perlu dituntut. Saya jalankan bisnes berkaitan khidmat motivasi, *team building*, *soft skill*, pengurusan perniagaan dan juga beberapa kemahiran kepada para peserta dari sektor awam maupun swasta."

"Selain itu, saya berkolaborasi dengan Nadia Veterinary Clinic di tiga cawangan beliau. Klinik ini bukan hanya menjurus kepada

kucing sahaja tetapi juga haiwan peliharaan yang lain dan ternakan ruminan," ujarnya.

Fendy Bakry yang merupakan finalis Hero Remaja bersama Fattah Amin dan Syafiq Kyle pernah popular menerusi drama seperti Mr Grey, Kerana Syurga Bukan Percuma, Kan Ku Kejar Cinta Kamu dan banyak lagi. **WK**





Mugri tekad terus ledak gol

►22

Mira Filzah 13 tahun kekal relevan

DEEL ANJER

MEMILIKI bakat dan mempunyai rupa paras yang manis, meletakkan pelakon Mira Filzah kekal diminati meskipun sudah berumah tangga. Bukan sahaja semakin laris dalam lakonan, Mira atau nama sebenarnya Nur Amirah Filzah Badioezaman, 30, juga masih aktif dalam mengacara program-program di televisyen.

Bintang Paling Popular ABPBH32 ini percaya, jika tidak berhenti untuk berusaha, pasti ada jalan meskipun ramai pendatang baharu mula menguasai industri seni.

“Sepanjang 13 tahun saya dalam industri ini, macam-macam saya lalui. Tidak mudah sebenarnya untuk bertapak dalam bidang ini jika tidak betul-betul tahan mental dan fizikal.

“Saya sendiri bermula dari bawah seperti menghadiri sesi uji bakat dan bermula dengan watak kecil. *Ahamdulillah*, dengan kepercayaan pihak produksi, saya mula mencipta nama.

“Apa yang saya nak tekanan di sini, iya, bukan mudah untuk membina nama, tetapi lebih sukar untuk mengelakkan prestasi dan populariti yang telah dibina,” katanya.

Pelakon drama Sweet Dreams dan Adellea Sofea ini mengaku untuk berjaya dan bertahan dalam industri perlu bersandarkan tiga faktor.

“Kalau ditanya bagaimana mahu bertahan lama, sebenarnya saya pun perlu belajar banyak sangat lagi. Terutamanya daripada senior-senior atau yang lebih berpengalaman.

“Bagi saya apa yang penting adalah adanya usaha, disiplin yang tinggi dan harus punya minat yang mendalam. Perkara utama sudah tentu kena ada minat yang bukan sekadar ala-ala, tapi memang betul-betul berminat. Jiwa dan raga tau!

“Minat itu sangat penting kerana inilah yang menguatkan keinginan kita untuk terus mencuba dan pergi lebih jauh dalam industri. Sebab itu kalau kita tengok, pelakon-pelakon hebat dengan lakonan ibarat darah daging. Memang takkan pernah terpisah. Begitulah perumpamaannya.

“Kalau dah ada faktor ini, apa pun yang berlaku dia tetap akan teruskan tanpa menoleh ke belakang lagi. Jatuhlah berkali-kali pun, dia tetap akan bangkit semula,” ujarnya.

Mira juga menegaskan, minat akan mendorong seseorang itu berusaha dan berdisiplin dalam apa yang dilakukan. Tiada istilah nak putus asa, tak boleh buat sebab ada halangan atau berfikiran tiada rezeki.

“Rezeki Allah yang tentukan, tapi kenalah berusaha kuat. Dalam berusaha kena ada disiplin. Jangan lupa, bertawakal selalu. Sentiasa mohon kepada-Nya,” ujar ibu kepada seorang cahaya mata ini. WK

►23

